



**NEGERI PULAU PINANG**

**MESYUARAT PERTAMA  
PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
KEEMPAT BELAS**

**PENYATA RASMI**

**10 OGOS 2018 (JUMAAT)**

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG**

**MESYUARAT PERTAMA  
PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
10 OGOS 2018 (JUMAAT)**

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
<b>SOALAN-SOALAN LISAN</b>	
Soalan No. 49 – Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor)	6
Soalan No. 50 – Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim)	9
Soalan No. 51 – Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid)	10
Soalan No. 52 – Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah)	11
Soalan No. 55 – Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy)	12
Soalan No. 56 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	14
Soalan No. 57 – Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Gooi Zi Sen)	16
Soalan No. 58 – Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong)	17
Soalan No. 59 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam)	18
Soalan No. 60 – Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)	19
Soalan No. 61 – Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	20
Soalan No. 63 – Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)	22
<b>SESI PENGGULUNGAN UCAPAN TERIMA KASIH TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG</b>	
YAB. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi penggulungan	23
<b>DEWAN DITANGGUHKAN</b>	

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI BERASASKAN KAYU (PINDAAN 2018)</b>	
Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) membentangkan Rang Undang-Undang.	30
<b>PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI BERASASKAN KAYU (PINDAAN 2018)</b>	
Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang	31
Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang	33
Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang	34
Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Rang Undang-Undang	34
<b>PENGGULUNGAN RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI BERASASKAN KAYU (PINDAAN 2018)</b>	
Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh) mengambil bahagian dalam sesi penggulangan Rang Undang-Undang.	35
<b>PELANTIKAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA PILIHAN</b>	37 - 42
<b>PENGUMUMAN PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA OLEH YAB. KETUA MENTERI.</b>	42
<b>UCAPAN PENANGGUHAN OLEH YB. YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	45
<b><i>DEWAN DITANGGUHKAN</i></b>	

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

**Tarikh** : 10 OGOS 2018 (JUMAAT)  
**Masa** : 9.30 Pagi  
**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

#### HADIR

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Ahli Kawasan</b>
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
4.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
5.	YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
6.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
7.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
13.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
14.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
15.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
16.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
17.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
18.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
19.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
22.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
23.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Ahli Kawasan</b>
24.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
25.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP. DUN/Sungai Bakap
26.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
27.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
28.	YB. Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
29.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
30.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
31.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
32.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
33.	YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
34.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
35.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
36.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang
37.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
38.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
39.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
40.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

#### **TIDAK HADIR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal

#### **AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

#### **HADIR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

#### **TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.**

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan doa.

**Timbalan Setiausaha Dewan:**

Doa.

**Setiausaha Dewan:**

Soalan lisan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula dan kita masih dalam sesi soalan lisan. Persilakan, Ahli Yang Berhormat Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan 49.

- No. 49. Kebanyakan pendapatan golongan muda bekerja adalah pada tahap mudah miskin dan miskin.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan pendapatan golongan ini;
  - (b) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu golongan ini memperoleh rumah dengan pendapatan yang rendah;
  - (c) Adakah Kerajaan Negeri akan menetapkan gaji minimum RM1,500.00 kepada majikan di Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih kepada soalan yang soalan 49 daripada Sungai Dua. Saya menjawab. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan muda untuk mempertingkatkan pendapatan adalah seperti berikut:

1). Meningkatkan pelaburan

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan perkembangan pelaburan baharu, dan pelaburan semula di Pulau Pinang yang akan mewujudkan peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor. Pada tahun 2017, Pulau Pinang telah mencatatkan rekod pelaburan asing FDI yang tertinggi dalam bidang pembuatan antara negeri-negeri di Malaysia, dengan nilai FDI RM8.5 bilion. Jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah sebanyak 13,553. Kadar pengangguran di Pulau Pinang masih kekal stabil dalam pada 2.1% yang kedua terendah antara negeri-negeri di Malaysia.

2) Mempelbagaikan jenis pekerjaan

Di samping mempertingkatkan jumlah pelaburan, langkah-langkah strategik juga diambil untuk mempelbagaikan jenis pekerjaan, terutamanya pekerjaan bernilai tinggi, *high value jobs....(dengan izin)*, Dato' Speaker dari segi perniagaan, sektor Perkhidmatan Perniagaan Global, *Global Business Services....(dengan izin)* Dato' Speaker merupakan sektor baharu yang diperkenalkan.

3) Memperkenalkan Program Penang @ CAT (Penang CAT)

Satu program baharu dinamakan "*Penang Accelerator for Creative, Analytics & Technology* telah dilancarkan bagi golongan yang ingin menceburi bidang perniagaan sebagai perintis pemula niaga, *entrepreneur*.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut melaksanakan program-program bantuan bagi menggalakkan keusahawan di kalangan rakyat Pulau Pinang, khususnya bagi golongan muda dan belia. Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Skim Pinjaman Harapan

Skim Pinjaman Harapan Negeri Pulau Pinang yang dahulunya dikenali sebagai Projek Titian Saksama Rakyat Negeri Pulau Pinang, merupakan program mikrokredit yang memberikan pinjaman tanpa sebarang cagaran dan penjamin kepada peniaga-peniaga kecil untuk membantu usahawan tempatan, penganggur dan golongan rakyat berpendapatan rendah untuk menceburi dalam bidang perniagaan. Peruntukan dana

sebanyak RM11 juta, telah disediakan bagi tujuan ini. Golongan yang berminat boleh memohon skim ini melalui PDC, *Penang Development Center*.

#### Tabung Usahawan Tani Negeri Pulau Pinang

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Tabung Usahawan Tani Negeri Pulau Pinang yang sebelum ini dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda, yang memberi dorongan kepada golongan belia termasuk para graduan untuk menjadikan sektor industrial asas tani sebagai kerjaya dan berpotensi sebagai punca pendapatan yang lumayan. Peruntukan sebanyak RM750,000.00 telah disediakan di mana sehingga Jun tahun 2018, sebanyak RM582,000.00 telah diagihkan kepada 108 orang belia untuk menikmati kemudahan kredit ini. Golongan yang berminat, boleh memohon Tabung Usahawan Tani melalui Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan juga Jabatan Pertanian.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah menetapkan had pendapatan isi rumah bagi permohonan Rumah Mampu Milik A adalah sebanyak RM2,500.00 sebulan. Dan untuk Rumah Mampu Milik B sebanyak RM3,500.00 sebulan, dengan mengambilkira golongan berpendapatan yang rendah.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga turut menawarkan sewaan untuk unit PPR atau rumah sewa pada kadar serendah RM70.00 sehingga RM172.00 sebulan kepada mereka yang berpendapatan tidak melebihi RM1,500.00. Mengambil kira faktor pembiayaan perumahan yang sukar, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan semula Skim Perumahan Sewa Beli seperti yang telah digulung semasa pergulungan pada oleh Yang Berhormat EXCO daripada Datok Keramat di mana kita telah memperkenalkan Skim Pembelian Sewa beli bagi memberi lebih kemudahan pembiayaan kepada pemohon-pemohon Rumah Mampu Milik A.

Usaha ini melibatkan penyediaan sejumlah 51 unit kediaman jenis strata di Taman Seruling Emas dan 104 unit untuk kediaman jenis *town house* di Taman Sungai Duri, Seberang Perai Selatan. Taman Suri, Sungai Duri Permai. Kadar sewaan bulanan yang dikenakan adalah sebanyak RM100.00 untuk tempoh 15 tahun bagi Taman Seruling Emas, dan RM150.00 untuk tempoh 23 tahun bagi Taman Sungai Duri Permai, Seberang Perai Selatan. Manakala caj penyelenggaraan bulanan yang dikenakan kepada kedua-dua skim perumahan pula adalah RM20.00 sebulan.

Pada dasarnya, Kerajaan Negeri menyokong pelaksanaan gaji minimum sebagai salah satu usaha untuk mengatasi masalah segolongan besar rakyat daripada belunggu kemiskinan. Setakat ini Kerajaan Negeri sedang menunggu Dasar Gaji Minimum Kebangsaan, yang akan diumumkan pada bulan Ogos 2018 oleh Kerajaan Persekutuan. Sebarang keputusan mengenai pelaksanaan gaji minimum dalam agensi dan syarikat Kerajaan Negeri di Negeri Pulau Pinang akan diambil setelah pengumuman tersebut dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Sementara itu, Kerajaan Negeri sentiasa menasihat pihak swasta agar mempertimbangkan gaji sewajarnya kepada golongan pekerja berdasarkan pengalaman dan kelayakan mereka. Selain itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa berbincang dengan majikan, supaya pekerja diberikan insentif. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Soalan tambahan. Terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Dalam kita meningkatkan pendapatan, pekerja-pekerja muda ini kita juga perlu meningkatkan kemahiran. Dia bekerja, tapi kita bantu tingkatkan kemahiran untuk dia dapatkan tambahan kemahiran dan dapat tambah gaji dia. Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peluang ataupun pihak swasta, kilang-kilang dan sebagainya menyediakan peluang untuk dia mengikuti kursus kemahiran, program kemahiran secara separuh masa untuk dia dapat sijil kemahiran. Contohnya macam *welding* ke tahap yang lebih tinggi, ataupun mungkin letrik ke tahap yang lebih tinggi, *chargeman* dan sebagainya. Adakah peluang ini disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk dia ada, dia dapatkan peluang kursus ini, kursus kemahiran supaya dia dapat tingkatkan pendapatan yang diperolehi di bawah tahap kemiskinan.

Keduanya, saya nak dijelaskan sedikit tentang program Penang CAT tentang peluang perniagaan yang disediakan. Dan adakah pihak Kerajaan Negeri menyediakan ruang-ruang, tempat untuk dia meniaga. Walaupun peluang-peluang perniagaan yang boleh dilaksanakan mungkin selepas kerja malam dan sebagainya, dia buat kerja. Kebanyakan pekerja ni, dia akan buat *part time*. Dia kena siang dia kerja, malam dia kerja *petrol pump* dan sebagainya. Sebab dia tak cukup. Pendapatannya tak mencukupi untuk

dia menyara keluarga, sewa rumah dan sebagainya. Ini yang menyebabkan berlaku masalah, pelbagai masalah yang berkait dengan pendapatan golongan belia. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih kepada kedua-dua soalan yang ditujukan oleh Sungai Dua. Saya jawab soalan pertama. Soalan pertama memang kita di bawah Jabatan Belia dan Sukan, kita ada satu program di mana kita melatih kemahiran dan minimum pelajar yang boleh masuk golongan belia yang boleh masuk adalah SPM setelah mereka tamatkan pengajian tinggi SPM. Maka, mereka boleh pohon untuk program ini. Dan juga kita PYDC di bawah PYDC, kita juga sedang berusaha untuk berbincang dengan beberapa kilang supaya kita boleh memberikan peluang pekerjaan yang bagus, setengah pelajar-pelajar yang mereka tamatkan di peringkat SPM, dan tidak melanjutkan pelajaran lagi.

Dan untuk menjawab soalan kedua, daripada Sungai Dua. Memang saya setuju bahawa kita kena memberikan insentif-insentif ataupun kita kena bekerjasama dengan pihak swasta supaya ada juga golongan belia yang mereka sumber pendapatan mereka ataupun gaji mereka tak cukup dan mereka terpaksa selepas waktu kerja, cari kerja sambilan ataupun kerja yang boleh dapat sedikit pendapatan. Dan PYDC setiap tahun kita melalui Penang Pesta, kita juga ada adakan program golongan usahawan supaya kita mendapatkan *corporate-corporate company*, ataupun kilang-kilang swasta supaya kalau mereka yang berminat ambilkan pekerja-pekerja sebegini, kita juga akan bukakan peluang kepada golongan belia.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Soalan tambahan. Kita sekarang ada Kerajaan Persekutuan pun Pakatan Harapan. Kita ada peluang di peringkat berbagai kursus, kursus separuh masa maknanya *part time*, dia boleh buat hari Sabtu, Ahad, hari cuti mungkin di, di Perda Tech dan sebagainya dan mungkin Penang Skill pun boleh buat program ni, untuk golongan-golongan pekerja muda ni mendapatkan tambahan kemahiran supaya dia dapat tambah pendapatan. Penang Skill, PSDC saya rasa ada PSDC yang boleh kita buat kursus-kursus ini khas untuk meningkatkan kemahiran anak muda. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain):**

Saya bantu sedikit pada melibatkan portfolio juga, di mana portfolio Usahawan, boleh. Dato' di-Pertua, Yang di-Pertua untuk membantu rakan saya EXCO Sukan dan Belia.

Untuk pengetahuan Sungai Dua, mungkin dalam pengetahuan Sungai Dua, sebenarnya PERDA pun ada skim ini yang membantu melalui dipanggil PTPK yang memberi, membantu yuran pelajar untuk ikuti program di PSDC. Kerajaan Negeri juga bersama ada program *German Dual Vocational Training* yang itu mungkin YB. sendiri boleh war-warkan kepada anak muda, lepasan SPM. Program yang cukup baik, di mana *company-company* German seperti BBraun, BOSCH yang *recruit* pelajar-pelajar lepasan SPM yang minat bahagian kemahiran, di mana mereka mendapat mereka bekerja, ditawarkan bekerja dengan tawaran gaji RM1,000.00 dan Kerajaan Negeri memberi 20% kepada gaji RM200.00 dan mereka bekerja sambil mengikuti latihan kemahiran di PSDC.

Selain daripada itu, yang saya sebut semalam ialah di mana golongan Zakat Pulau Pinang sendiri, sampai 317 pelajar dah mendapat faedah daripada program Sijil Kemahiran Tahap Dua, Tiga. Antara kursus ialah *precision machine technology* yang memang Pulau Pinang kekurangan pekerja-pekerja mahir. Dan @CAT's sendiri adalah satu platform anak muda tapi bahagian teknologi. Kalau kesempatan Sungai Dua, dapat YB. turun ke pejabat @CAT untuk lihat bagaimana ada disediakan ruang-ruang untuk anak-anak muda yang minat bahagian teknologi, nak jadi usahawan teknologi, untuk menggunakan ruang yang ada tu, untuk menggilap minat anak-anak muda dalam bidang usahawan teknologi.

Di peringkat pusat, saya mengambil maklum kepada semalam kepada Batu Uban, MARA ada program khas untuk anak muda TEKUN juga, tadi sebut juga pinjaman kepada *cross aboard* anak muda 18 hingga 16 tahun oleh PDC, Skim Pinjaman Harapan. Dan satu lagi ialah SME Corp. ada satu program khas tiap-tiap tahun bulan April, Program *Tube* nama dia iaitu program yang cukup baik untuk anak muda yang ada idea, mereka diberikan kursus, diberikan modal untuk mereka giat dalam bidang keusahawan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Untuk maklumat tambahan kepada Sungai Dua, memang setiap negeri ada satu Institut Kemahiran Belia Negara. Di Negeri Pulau Pinang pun ada iaitu dia terletak di Berapit, Bukit Mertajam. Dan setiap tahun bulan Januari dan juga bulan Julai ada *intake* lah, untuk ambil pelajar-pelajar yang selepas SPM. Dan pelajar-pelajar selepas SPM, kalau mereka berminat untuk belajar Latihan Kemahiran dan Vokasional, memang mereka boleh pohon IKBN, Institut Kemahiran Belia Negara yang terletak di Bukit Mertajam. Dan



inilah salah satu peluang kepada mereka untuk masuki pelatih kemahiran kalau mereka tidak melanjutkan pelajar ke universiti ataupun diploma dan lain-lain. Mereka boleh pohon untuk IKBN.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Saya ingin...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Sikit saja. Kalau boleh, diberi kepada pekerja yang dah bekerja sebagai *part time*, itu yang saya nak tekankan. Kalau yang *fresh* ini, memang banyak. Tapi yang dah bekerja, tapi kita nak dia tambah kemahiran, itu yang kita nak disediakan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Aceh, saya sila.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya, nombor 50.

No. 50. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mewujudkan tambahan kemudahan infra untuk kemudahan belia di KADUN Sungai Aceh dan sekitar mini stadium, kolam renang dan tempat sukan bermotor bagi tujuan aktiviti belia tempatan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih Sungai Aceh. Saya jawab untuk soalan ke 50. Buat masa ini, Kerajaan Negeri masih tidak mempunyai perancangan bagi mewujudkan tambahan kemudahan infra untuk kemudahan belia di KADUN Sungai Aceh dan sekitar seperti mini stadium, kolam renang dan tempat sukan bermotor bagi tujuan aktiviti belia tempatan.

Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri senantiasa melaksanakan pelbagai usaha untuk mengoptimalkan penggunaan kemudahan-kemudahan sedia ada bagi menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat Pulau Pinang. Sebagai contoh untuk sukan olahraga trek dan padang, selain tumpuan kepada penggunaan trek dan balapan di Stadium Sukan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), galakan kepada penggiat sukan untuk turut sama menggunakan padang-padang awam dan padang-padang sekolah sebagai lokasi latihan untuk sukan ini, turut disarankan sepenuhnya berdasarkan kesesuaian kepada acara-acara dalam sukan tersebut, yang tidak bersandarkan kepada keperluan untuk menggunakan gelanggang-gelanggang yang spesifik.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Soalan tambahan. Terima kasih akan penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO Belia Dan Sukan. Dia masalah di kawasan Sungai Aceh ni, apabila sekarang ni kelompok-kelompok golongan muda belia tak dapat gunakan sekolah untuk menggunakan padang ataupun tempat-tempat riadah, kecuali dia ada satu di Ampang Jajar. Itupun untuk bersenam. Sebab tu, sekiranya Kerajaan Negeri berhasrat ataupun ada cadangan sama ada, *at least* seperti yang dimaklumkan bahawa untuk SPS tak ada kolam renang ataupun tempat sukan bermotor.

Mungkin ada mana-mana individu ataupun pemaju yang pihak swasta yang sudi untuk bersama mewujudkan tempat ini, adakah Kerajaan Negeri berminat untuk mengadakan tempat supaya untuk aktiviti riadah sebab sekarang ni sekolah memang tak boleh pakai, tak boleh masuk. Nak buat untuk, untuk aktiviti macam program untuk sekali, okey. Untuk guna hari-hari memang tak boleh, memang banyak aduan yang kita dapat. Sekarang ni bahawa depa tak boleh masuk dalam sekolah untuk aktiviti petang untuk gunakan padang. Penjelasan pada ini.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Okey. Memang kerajaan di setiap daerah seperti SPU, di Bertam SPT, di Jalan Betek Stadium dan juga SPS, kita ada di depan Pejabat Daerah bersebelah dengan pejabat IPD. Memang kita setiap daerah, ada satu untuk penduduk-penduduk ataupun pelajar-pelajar untuk pergi bersukan. Dan juga di kawasan SPS, memang ada satu.

Maka Sungai Aceh kan terletak di kawasan SPS, mungkin kita boleh lihat kalau ada tempat-tempat yang bersesuaian, yang di KADUN Sungai Aceh, mungkin kita boleh wujudkan satu padang bola sepak. Tapi, ini kena membuat rancangan yang terapi, supaya kita boleh menhasratkan program yang betul-betul boleh digunakan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima, sila.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Terima kasih Yang di-Pertua. Soalan saya adalah soalan nombor 51.

No. 51. Pemberian kontrak ataupun tender perlu dikaji semula kerana isu pembersihan yang kurang memuaskan seringkali timbul di kawasan Taman Tun Sardon. Apakah cara yang terbaik untuk menangani isu ini?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih rakan saya daripada Seri Delima yang tanyakan berkenaan pemberian kontrak ataupun tender yang perlu dikaji semula kerana pembersihan yang kurang memuaskan di kawasan Taman Tun Sardon.

Dalam menjawab soalan ini Dato' Speaker, ingin saya nyatakan kepada Seri Delima aspek kebersihan merupakan antara isu utama yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam melaksanakan agenda *Go Green*. Di Taman Tun Sardon, pembersihan jalan dan parit awam di kawasan ini, dilaksanakan oleh pekerja Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kekuatan seramai 22 orang. Dan pembersihan secara *task force* pula, dijalankan pada setiap hari Jumaat khususnya di kawasan *hot spot* komersial, parit besar serta parit yang bermasalah. Dan kontrak pembersihan kawasan sekitar Perumahan Taman Tun Sardon, telah dibuat secara sebut harga terbuka di mana pemilihan kontraktor mengambil kira bilangan pekerja, kemampuan kewangan, peralatan dan perlu mereka mempunyai pengalaman kerja. Dan setiap syarikat yang dipilih, mestilah mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan.

Dato' Speaker, tindakan akan diambil sekiranya terdapat mana-mana syarikat yang didapati ingkar serta melanggar syarat perjanjian yang telah dipersetujui. Dan perincian mengikut fasa, nama syarikat, tempoh kontrak, amaun kontrak dan nombor telefon penyelia adalah seperti di dalam jawapan di mana ada beberapa fasa, Dato' Speaker. Fasa Satu, Dua dan Tiga, butirannya akan saya kemukakan kepada Yang Berhormat Seri Delima.

Dato' Speaker, senarai tugas harian, mingguan dan bulanan syarikat pembersihan juga akan saya akan diletak di atas meja YB. Seri Delima setelah soalan lisan selesai nanti. Dan sekiranya didapati Dato' Speaker, syarikat-syarikat ini gagal menjalankan kerja-kerja seperti yang termaktub dalam kontrak perjanjian, perkhidmatan syarikat berkenaan boleh ditamatkan. Kerajaan Negeri akan memberi notis kepada syarikat untuk meremedikan dalam tempoh 14 hari selepas tarikh notis. Jika syarikat gagal meremedikan kemungkiran itu, maka Kerajaan Negeri berhak menamatkan kontrak dengan memberi notis bertulis selama 30 hari kepada syarikat yang tersebut.

Sekiranya terdapat sebarang aduan Dato' Speaker, berkenaan isu kebersihan di perumahan Taman Tun Sardon, ia boleh diajukan terus kepada Pejabat Rancangan Perumahan Taman Tun Sardon kepada YB. Seri Delima. Bagi menangani isu kebersihan strategi boleh diambil iaitu:

- (a) Mendidik masyarakat supaya membuang sampah kedalam tong sampah yang telah disediakan;
- (b) Mendidik para penggerai kaki lima di Taman Tun Sardon supaya membuang sampah ke dalam tong sampah yang bersesuaian serta memastikan kebersihan sekitar tempat perniagaan dibersihkan sendiri oleh peniaga; dan
- (c) Melaksanakan kempen serta gotong royong secara bersama yang melibatkan penggerai dan penghuni perumahan di Taman Tun Sardon.

Sekian, Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, Datok Keramat.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ini soalan spesifik di Taman Tun Sardon.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):**

Ya. Ya. Betul.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalannya, berkenaan dengan kontraktor MARRIS yang dilantik. Adakah untuk oleh MPSP kan, semua semua taman-taman perumahan dilantik oleh MPSP, jadi soalan dia satu saja. Adakah Perjanjian Kontrak Pembersihan Awam kepada kontraktor MARRIS oleh MPSP di seluruh Seberang Perai, itu adalah untuk pembersihan mingguan ataupun harian?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Penanti, tadi saya dah kata bahawa ini soalan spesifik menuju kawasan Taman Tun Sardon. Nak, nak *corner* pegi Penanti. (ketawa) EXCO.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

*Same*, kontraktor MPSP.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Takpa, saya izinkan sekali. Sila. EXCO kalau boleh, boleh.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*You*, ringkaskan *from* Taman Tun Sardon, *suddenly you go to* Penanti, *and then you talk about* MARRIS.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah. Nanti selepas mesyuarat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Aah, nanti kita bincang diluar.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bincang.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Minum kopi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pasti EXCO akan bantu. Okey. Rakan-rakan Yang Berhormat. (ketawa) Seterusnya kawasan Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya, soalan 52.

No. 52. Jelaskan sejauh mana 12 teras Pakatan Rakyat (PR) dasar manifesto Pulau Pinang PRU 13 (2013-2018) yang telah berjaya dilaksanakan dan belum dilaksanakan.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Penaga yang ingin tahu sejauh mana 12 Teras Pakatan Rakyat ataupun manifesto Pakatan Rakyat pada PRU Ke-13 telah berjaya dilaksanakan dan belum dilaksanakan. Semasa itu, Parti Yang Berhormat masih sebahagian dari Pakatan Rakyat namun, kita hormatlah apa-apa pilihan.

Untuk makluman Yang Berhormat Penaga dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri telah berjaya melaksanakan kebanyakan manifesto Pakatan Rakyat bagi PRU Ke-13 yang terdiri dari 12 Teras Utama, yang mengandungi 63 perkara yang menjadi Dasar Kerajaan Negeri, dan dengan tema *Cleaner, Greener, Safer & Healthier* Penang. Bagi manifesto yang belum dapat ditunaikan, ianya masih dalam perancangan dan akan dilaksanakan secara berfasa. Dalam pada itu bagi manifesto yang berkaitan dengan bidang kuasa Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri akan terus mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Pusat bagi mencari penyelesaian terhadap pelaksanaannya.

12 Teras Utama menjadi dasar pada masa itu adalah: (1) Kerajaan Bersih, (2) Pertumbuhan Ekonomi, (3) Membangunkan Sektor Pelancongan, (4) Pengembangan Sains Dan Pendidikan, (5) Penyediaan Infrastruktur, (6) Perumahan Untuk Semua, (7) Memartabatkan Islam, (8) Negeri Berkeadilan, (9) Pembangunan Wanita Dan Anak Muda, (10) Kesenian, Kebudayaan Dan Warisan, (11) Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat Dan Selamat dan (12) Desentralisasi.

Jadi kita rasa sepanjang perbahasan ini pun ada menyentuh perkara-perkara demikian dan seperti jawapan saya sebahagian besar telah pun ditunaikan kalau yang belum ditunaikan adalah dalam proses perancangan ataupun kesinambungan yang membawa ke penggal ini.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, atas penyelesaian tadi saya ada dua soalan tambahan dan ini ada hubung kait dengan Kerajaan Persekutuan juga pada teras ataupun agenda ke-10, Kesenian, Kebudayaan Dan Warisan dalam 10.3 memohon Kerajaan Persekutuan menetapkan lingkaran tanah warisan melayu di Tanjung Tokong dan juga Batu Kawan. Soalan dia, adakah lingkaran tanah warisan Melayu seperti di atas itu telah dilaksanakan oleh Kerajaan jika belum ataupun gagal apakah sebabnya? Dan soalan yang kedua pada teras ke-12 Desentralisasi iaitu pada 12.4 mengembalikan Pelabuhan Pulau Pinang dan Perkhidmatan Feri kepada kuasa Kerajaan Negeri.

Soalan saya adakah Kerajaan Negeri dapat mengembalikan kuasa tersebut ke tangan Kerajaan Negeri dan sejauh mana Kerajaan merancang untuk meningkatkan mutu perkhidmatan Feri? Jadi saya fikir kalau ini belum dilaksanakan oleh kerana penggal lepas Kerajaan Pusat berlainan jadi sekarang inilah mungkin masa yang sesuai untuk memastikan agenda ini dilaksanakan?

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih Yang Berhormat Penaga atas soalan tambahan yang sendirinya mengaku bahawa senario sudah berlaku sebab apabila manifesto ini digubah ianya adalah di mana Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah tidak bersama dari segi parti politiknya dan untuk menjawab soalan pertama memang dalam isu mengekalkan warisan Kampung Warisan Melayu seperti di Tanjung Tokong dan Batu Uban, kita telah memastikan di dalam pembangunan ini pemaju-pemaju perlu mengikuti syarat yang ditetapkan oleh pihak majlis supaya di Tanjung Tokong misalnya pembangunan menyediakan satu tempat khas di mana warisan Melayu dapat dikekalkan. Bagi soalan yang kedua berhubung dengan Pelabuhan Pulau Pinang sememangnya pada masa itu memang kita mempunyai pandangan bahawa perkhidmatan Feri perlu dipertingkatkan dan perkhidmatan masih tidak dapat keyakinan rakyat Negeri Pulau Pinang. hakikat ini sampai hari ini masih benar lagi sebab perkhidmatan masih tidak ditambah baik walaupun ada perubahan dari segi pengambilalihan syarikat yang akan menguruskan kelak jadi kita ada perbincangan dengan pihak Menteri Pengangkutan dan ada membawa isu ini baru-baru ini dan kita menunggulah cadangan yang terbaru termasuk mengekalkan feri tetapi juga memasukkan unsur *Catamaran* dalam menaikkan taraf perkhidmatan di antara Butterworth dan Pulau Pinang.

Kita berharap ini akan menjadi kenyataan sebab Negeri Pulau Pinang mempunyai khazanah laut tetapi ianya boleh digunakan sebagai *mode* pengangkutan *water transport* yang sememangnya menjadi satu bahagian penting dalam *Halcrow Penang Transport Master Plan* dan kita menunggu ianya menjadi satu kenyataan di mana kita mempunyai satu alternatif *water transport* yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Seberang Perai.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Ingin saya mempersilakan Pulau Betong, Pulau Betong tiada di Dewan maka soalan dilangkau, seterusnya soalan 54 soalan daripada Kebun Bunga memandangi Yang Berhormat Kebun Bunga pun tak ada di dalam Dewan soalan dilangkau. Persilakan Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 55.

- No. 55. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengawal penjualan arak murah (*hard liquor* sahaja) di kedai-kedai runcit, yang telah menyumbang kepada pelbagai masalah sosial, yang memberi kesan langsung kepada penduduk seperti masalah vandalisme dan kacau ganggu di tempat awam seperti taman permainan kanak-kanak?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih rakan saya daripada Bagan Dalam yang bertanyakan berkenaan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk kawal penjualan arak murah di kedai-kedai runcit yang telah menyumbang kepada pelbagai masalah sosial yang memberi kesan langsung kepada penduduk seperti masalah vandalisme dan kacau ganggu di tempat awam seperti taman permainan kanak-kanak.

Bagi menjawab soalan ini Dato' Speaker, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Pelesenan Eksais Negeri Pulau Pinang mengambil beberapa tindakan untuk mengawal penjualan arak murah seperti berikut:

1. Tidak meluluskan permohonan baru bagi lesen runcit menjual arak kepada kedai-kedai yang terletak di kawasan perumahan.
2. Mengeluarkan surat pembatalan lesen kepada kedai-kedai yang terlibat sekiranya terdapat aduan awam dan didapati telah melanggar syarat-syarat yang ditetapkan setelah siasatan dibuat; dan
3. Tidak meluluskan permohonan lesen kepada syarikat yang mempunyai rekod kesalahan dengan pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula telah mengadakan tindakan berikut untuk mengawal penjualan arak murah di kedai-kedai runcit di kawasan Seberang Perai iaitu:

1. Menubuhkan satu pasukan kerja ulasan *liquor* ataupun arak bagi mempertimbangkan permohonan baru dan pindaan lesen *liquor* yang dikemukakan oleh pemohon kepada Kerajaan Negeri. Pasukan ini akan mempertimbangkan kesesuaian sesuatu permohonan lesen *liquor* dan mengemukakan ulasan bagi pihak MPSP dalam Mesyuarat Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh saya.
2. Tidak akan mempertimbangkan permohonan baru lesen arak yang berada di dalam radius 250 meter dengan kawasan-kawasan orang awam seperti rumah kediaman, pusat pendidikan, rumah ibadat dan kawasan permainan.
3. Tidak mempertimbangkan permohonan baru lesen *liquor* ataupun arak yang berada di kawasan yang telah mempunyai beberapa kedai runcit sedia ada yang turut menjalankan jualan *liquor* ataupun arak.
4. Mengadakan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Kastam dan Eksais Pulau Pinang bagi operasi pemeriksaan penjualan *liquor* ataupun arak di premis-premis perniagaan runcit.
5. Mengetatkan syarat-syarat pelesenan bagi penjualan *liquor* ataupun arak di kedai-kedai runcit.
6. Mengambil tindakan pembatalan lesen terhadap premis-premis perniagaan runcit yang gagal mematuhi syarat-syarat pelesenan; dan
7. MPSP sedang dalam peringkat menambahbaik dasar kawalan lesen *liquor* ataupun arak di seluruh kawasan Seberang Perai dan dasar ini bertujuan untuk mengetatkan lagi dasar sudah pun sedia ada yang ini telah diluluskan di Majlis penuh pada 22 Mac tahun ini.

Melalui tindakan-tindakan tersebut, Dato' Speaker sebanyak 12 permohonan baru lesen *liquor* ataupun arak tidak disokong bagi tahun 2017 manakala sebanyak lima (5) permohonan tidak disokong pada tahun ini. Sekian Dato' Speaker.

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datok Keramat yang telah menjawab soalan saya tadi dan saya juga mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang menjadi EXCO Kerajaan Tempatan pada penggal lepas yang telah memberikan begitu banyak kerjasama untuk melaksanakan dasar-dasar tersebut di Seberang Perai ini Seberang Perai yang memimpin.

Soalan saya adalah adakah dasar-dasar yang telah dinyatakan untuk Seberang Perai tadi akan diperluaskan di Pulau di bahagian MBPP juga dan soalan kedua adalah oleh kerana kita menghadapi masalah mereka kaki botol ini budak-budak kecil *teenagers* mereka mudah dapat akses yang begitu mudah untuk membeli arak *hard liquor in not beer but hard liquor* yang kandungan alkoholnya lebih daripada 12% yang dijual dengan harga RM5.00, RM6.00 murah daripada nasi kandar di kedai-kedai runcit dan telah menyebabkan banyak masalah jenayah dan sosial seperti kes adik T. Nhaveen yang berlaku di Taman Tun Sardon pada awal tahun lepas.

Adakah Kerajaan Negeri akan membatalkan terus lesen-lesen yang diberikan kepada lesen-lesen arak yang diberikan kepada kedai runcit, kedai runcit bermakna yang jual gula-gula, beras dan juga menjual arak murah ini RM5.00, RM6.00 sebagai satu barangan runcit?, Itu soalan saya Yang Berhormat Datok Keramat? Terima kasih Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Sebenarnya dalam jawapan yang saya berikan tadi sememangnya di bahagian MPSP sudah pun ada beberapa dasar yang dikeluarkan untuk menangani permasalahan ini memang ini satu permasalahan yang perlu ditangani dan sebenarnya saya setelah menjadi EXCO Kerajaan Tempatan untuk penggal ini telah pun memberi beberapa cadangan agar ia diperluaskan juga kepada kawasan Pulau dan memang kita dalam peringkat kajian sekarang dan ada satu draf kertas yang saya boleh kongsi dengan rakan saya daripada Bagan Dalam yang sudah pun disediakan tetapi perlu diteliti sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan, Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, satu sahaja.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Satu saja, arak ini adalah merupakan perkara yang ditentang keras oleh Islam dia ibu segala maksiat daripada dia mabuk dia boleh buat macam-macam. Cuma saya bolehkah dasar tengah di draf, kalau boleh kita masukkan bawah umur, *teenagers* ini mungkin 21 tahun ke bawah tak boleh macam rokok kita kata 18 tahun ke bawah tak boleh beli, arak pun yang murah ini arak *beer* sebagainya tak boleh beli 21 tahun ke bawah dan keduanya tambah sikit untuk orang Islam kalau boleh orang Islam ini tak boleh dilarang beli tak boleh. Beli kita saman pekedai orang yang menjual tambah dua-dua sekali. Beli tak apa lah kot mana pun tolong tambah saya mohon la sedikit terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya percaya untuk perkara yang kedua berkenaan larangan kepada umat Islam ini memang saya percaya sudah ada tanda-tanda diletakkan di semua kedai-kedai yang menjual dan yang kedua itu yang pertama penting juga saya setuju untuk orang yang bawah umur patut di larang sama sekali dan saya percaya draf kertas kita ini sememangnya sedang ditimbangan Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Machang Bubuk dipersilakan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 56.

No. 56. Model kewangan untuk membiayai projek LRT dan PIL adalah melalui projek tambakan laut.

- (a) Nyatakan cara yang lebih lestari dan kos efektif dalam pelaksanaan projek yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan (PTMP)?
- (b) Sejauh manakah usaha Kerajaan Negeri untuk mendapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membina LRT?

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Machang Bubuk untuk makluman Dewan yang mulia ini. Pada ketika ini, Projek Penambakan Laut di Selatan Pulau Pinang (PSR) masih merupakan model pembiayaan tunggal bagi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Cadangan pembiayaan melalui Projek PSR ini bukan sahaja dapat menampung sepenuhnya kos pembinaan projek LRT dan Pan Island Link I, malah akan membantu menanggung kos operasi dan penyelenggaraan LRT dan PIL I di masa hadapan melalui penajaan pendapatan daripada pembangunan tanah PSR. Projek ini juga merupakan salah satu langkah penyelesaian dalam memastikan kelestarian pembangunan ekonomi di Pulau Pinang pada masa akan datang.

Sekiranya PSR tidak dilaksanakan maka Kerajaan Negeri perlu mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai Projek LRT dan PIL. Selain menjadi modal kewangan kepada *Penang Transport Master Plan*, Projek PSR ini dilihat dapat mengatasi masalah-masalah perbandaran yang dihadapi di Negeri Pulau Pinang seperti kekurangan tanah di bahagian timur Pulau akibat pemelesaian pembangunan di kawasan tersebut seperti George Town, Bayan Baru dan Bayan Lepas yang turut memberi implikasi kepada harga rumah dan menghadkan tanah untuk perkembangan tapak perindustrian di Pulau Pinang dan Pembangunan Infrastruktur yang tidak terancang sehingga menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk seterusnya menjejaskan perkembangan sektor industri di Bayan Lepas terutamanya industri elektrik dan elektronik.

Penghijrahan keluar tenaga pakar, tenaga mahir dan tenaga profesional dari negara ini atau negeri ini ke negeri-negeri atau negara lain disebabkan kekurangan peluang pekerjaan yang baik dan taraf kehidupan tidak standing. Keempat itu ancaman kesinambungan warisan akibat pelaksanaan pembangunan yang berlaku secara *ad-hoc* di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri amat memandag serius akan pelaksanaan merealisasikan *Penang Transport Master Plan* ini dan akan mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Persekutuan bagi mendapatkan peruntukan pembangunan untuk membiayai projek LRT. Sekiranya permohonan untuk mendapatkan peruntukan pembangunan tidak diluluskan, Kerajaan Negeri turut memohon agar Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan pinjaman faedah rendah untuk pelaksanaan Projek LRT tersebut, sekian.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Soalan tambahan, terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, saya juga ingin tahu tentang disebabkan selepas PRU-14 Pakatan Harapan telah mengambil alih Kerajaan Persekutuan dan juga Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir telah menubuhkan satu *Council Of Eminent Persons* atau (CEP) telah ditubuhkan untuk mengkaji semula projek-projek mega yang akan dilaksanakan sebelum pemerintahan Pakatan Harapan. Maka saya juga dapati ada wakil-wakil NGO yang telah membawa isu PTMP ini kepada CEP untuk dipertimbangkan semula. So saya ingin tahu sama ada Kerajaan Negeri dipanggil oleh CEP untuk memberi penjelasan dan juga penerangan tentang pelaksanaan PTMP ini dan saya juga ingin tahu adakah apa-apa keputusan atau ulasan yang telah diputuskan oleh CEP atau yang telah dihantar kepada kabinet untuk dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri dan ketiga sekiranya keputusan yang diambil oleh CEP atau cadangan yang telah diambil oleh CEP adakah Kerajaan Negeri masih akan meneruskan projek tambakan laut sekiranya modal kewangan untuk membiayai projek-projek mega ini akan memerlukan peruntukan yang begitu tinggi akan dikaji semula oleh Kerajaan Negeri. Sekian terima kasih.

**YAB. Ketua Menteri :**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk atas soalan tambahan berhubung dengan *Council Of Eminent Persons* atau (CEP) yang ditubuhkan selepas perubahan Kerajaan Persekutuan. Untuk makluman Dewan dan Yang Berhormat setakat ini pihak Kerajaan Negeri masih belum dipanggil untuk memberi apa-apa penerangan kepada *Council Of Eminent Persons* ini walaupun kita tahu seperti mana Yang Berhormat kata ada pihak NGO telah bertemu dengan CEP ini untuk saya percaya membantah projek ini namun walaupun masih belum dipanggil oleh CEP, sukacita saya laporkan bahawa sebenarnya selepas perubahan Kerajaan Persekutuan, pihak Kerajaan Negeri sudah pun dipanggil ataupun agensi-agensi Persekutuan yang bertanggungjawab atas menilai permohonan-permohonan daripada pihak Kerajaan Negeri khususnya laporan teknikal isu-isu teknikal telah mula mempercepatkan proses untuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat bagi meneliti laporan-laporan yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan Negeri sebelum perubahan politik memang misalnya permohonan untuk mendapatkan kelulusan LRT itu skim *railway, railway skim* kepada SPAD pun sudah dikemukakan pada bulan Mac tahun 2016.

Selain daripada dua (2) mesyuarat yang saya dan Dato' Seri Setiausaha Kerajaan Negeri ada hadir maka tak ada apa-apa mesyuarat lanjutan daripada itu tetapi kita dimaklumkan setelah perubahan ini maka agensi-agensi berkenaan telah tampil ke hadapan mempercepatkan penelitian laporan atau mengenakan syarat-syarat tambahan supaya jururunding kita dapat mengambil tindakan susulan memasukkan butiran-butiran yang diperlukan untuk menyokong justifikasi kita untuk menjalankan tambakan laut, menjalankan LRT dan seterusnya mengadakan *Penang Pan Island Link*.

Jadi kita memandag positiflah tentang proses ini walaupun proses ini sudah mula tiga (3) tahun tetapi kita amat sabar walaupun ada orang yang tentang kita masih sabar untuk menunggu keputusan dan berikrar untuk memenuhi segala syarat teknikal yang diperlukan. Sebenarnya sebelum ini, perkara ini pernah dijemput untuk dibentangkan dalam Majlis Ekonomi Negara mungkin pada tahun 2016, Menteri selepas itu pun ada melawat Pulau Pinang untuk mendapat maklumat lanjut dan saya diberitau Majlis Ekonomi Negara memang tak ada halangan terhadap konsep pembiayaan projek-projek infrastruktur ini tetapi nampaknya sekarang kita masih perlu sabar sehingga dapat keputusan dan kita akan menghormati apa-apa keputusan kalau diberi kelulusan maka beban kita bertambah berat sebab kita perlu meneruskan kerja-kerja untuk melaksanakan projek ini. Kalaulah ditolak maka Kerajaan Persekutuan perlu juga bertanggungjawab.

Apakah alternatif kepada penyelesaian yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri kalau cadangan Kerajaan Negeri ditolak, adakah Kerajaan Persekutuan ada penyelesaian yang lebih baik dan ada modal pembiayaan yang lebih baik atau peruntukan yang lebih baik untuk membantu Negeri Pulau Pinang menangani isu kesesakan lalu lintas dan isu pembangunan masa depan Negeri Pulau Pinang memandagkan kita selalu kata Negeri Pulau Pinang adalah memainkan peranan penting dalam ekonomi

malaysia dan saya percaya Kerajaan Persekutuan faham tentang hakikat ini dan akan membuat penilaian yang bersesuaian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, seterusnya saya ingin mempersilakan Pengkalan Kota.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan ke 57.

No. 57. Apakah polisi dan hala tuju Kerajaan Negeri terhadap larangan penggunaan plastik sekali guna (*single use plastic*) dan straw?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih Yang Berhormat daripada Pengkalan Kota, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya hendak menjawab soalan 57.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk melaksanakan Dasar Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna *alternatif No To Single-Use Plastic* mula pada 1 Januari 2019 secara berfasa dimulakan dengan Polisi Larangan Penggunaan Straw Plastik (*No To Plastic Straw*) secara menyeluruh di peringkat Negeri. Memang akan dikuatkuasakan fasa demi fasa di mana di bidang-bidang yang tak sama. Sehubungan itu, hala tuju bagi pembangunan serta pelaksanaan dasar dan polisi akan dilaksanakan berdasarkan tiga (3) fasa seperti berikut.

Fasa yang pertama melibatkan aktiviti-aktiviti kedua penubuhan Jawatankuasa Pemandu sebagai urusetia bagi merangkakan dasar baharu ke arah larangan penggunaan *single-use plastic* termasuk penyelarasan polisi sedia ada dan pelaksanaan kajian dan soal selidik bagi mendapatkan pandangan dari orang awam terhadap cadangan pelaksanaan dasar dan polisi.

Fasa kedua melibatkan aktiviti-aktiviti proses Pengubalan Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi meletakkan asas punca kuasa kepada PBT selaku agensi pelaksana dasar dan polisi. Menyediakan garis panduan bagi pematuhan dan penguatkuasaan dan pembentangan draf dasar dan polisi kepada Jawatankuasa Alam Sekitar dan Jawatankuasa Kerajaan Tempatan.

Fasa ketiga melibatkan aktiviti-aktiviti, taklimat, publisiti dan proses penglibatan pihak berkepentingan (*stakeholders*) yang terdiri daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), orang awam, Badan Bukan Kerajaan, pengusaha sektor makanan dan minuman serta industri plastik. Pemurnian draf dasar dan polisi dengan mengambil kira input daripada pihak berkepentingan dan pembentangan dasar dan polisi akhir kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk kelulusan bagi laksanaan dan penguatkuasaan.

Proses penyediaan dasar dan polisi ini akan mengambil masa selama enam (6) bulan daripada Julai sehingga Disember 2018 dan dicadangkan berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2019 dimulakan dengan *Polisi No To Plastic Straw*. Serentak dengan polisi proses ini, Kerajaan Negeri melalui Penang Green Council (PGC) telah memulakan pendekatan *soft approach* dengan mendekati masyarakat serta peniaga makanan dan minuman untuk memberikan informasi dan kesedaran supaya menyokong *dasar No To Single-Use Plastic* secara amnya dan *Polisi No To Plastic Straw* secara khusus. Jadi ini akan juga terlibat dengan bag plastik.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya berkenaan apakah setakat kini maklum balas ataupun (dengan izin)...*respond* yang telah diberikan khususnya daripada pengusaha daripada Industri yang menghasilkan plastik sekali guna (dengan izin)...*single use plastic* ini?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Memang *respond* amat mengalakkan *very positif respond* khasnya daripada pengguna daripada kilang-kilang yang berkenaan dengan *production single use plastic*. Mereka telah berhubung dengan saya supaya nak tau apakah cara untuk berkuatkuasa apa yang dalam senarai dan lain-lain dan saya telah janji kepada mereka bahawa selepas Dewan Undangan Negeri akan ada mesyuarat-mesyuarat tertentu di mana *stakeholders meeting Stakeholders meeting* pada kini saya minta di persatuan kilang-kilang plastik senaraikan berapa jumlah-jumlah kilang yang ada jumlah berapa pekerja yang ada apakah impak jikanya



dikuatkuasakan. Ini semua telah diusahakan saya percaya bahawa seperti apabila kita mulai dengan *no to no free plastic day*. Cara yang digunakan amat berjaya dan ini juga akan digunakan konsep ini juga yang itu kata semua orang akan terlibat dan semua orang akan jadi *ownership of this* program dan saya percaya apabila Negeri Pulau Pinang berjaya menjalankan program ini boleh digunakan seluruh Malaysia.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Batu Lancang. Dipersilakan.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua soalan saya adalah 58.

No. 58. Apakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan aktiviti air dan pantai terutamanya di Batu Ferringhi terkawal dan mengurangkan kemalangan.

- (a) Adakah kes kemalangan berkurangan atau meningkat setelah MBPP melaksanakan penyusunan semula?
- (b) Apakah langkah yang telah dan akan di ambil bagi membendung kemalangan nyawa terutamanya pelancong luar negara kerana menjejaskan imej pelancongan negeri?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih pada rakan saya daripada Batu Lancang atas soalan berkenaan apakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan aktiviti air dan pantai terutamanya di Batu Ferringhi terkawal dan mengurangkan kemalangan. Dan adakah kes kemalangan berkurangan atau meningkat setelah MBPP melaksanakan penyusunan semula. Dan apakah langkah yang telah dan akan diambil bagi membendung kemalangan nyawa terutamanya pelancong luar negara kerana menjejaskan imej Pelancongan Negeri.

Dato' Speaker. Bagi menjawab soalan ini peranan MBPP bagi tujuan kawalan aktiviti sukan air dan pantai di Batu Ferringhi adalah seperti berikut; Satu, menguatkuasakan Enakmen Lancang Air Peribadi Pulau Pinang 1998. Nombor dua menempatkan anggota penguatkuasa di tempat pantai Batu Ferringhi tujuh (7) hari seminggu dari jam 8.00 pagi hingga 7.00 malam. Tiga mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pengendali yang melanggar peraturan dan enakmen dan empat melaksanakan penyusunan semula aktiviti pantai mengikut zon-zon.

Dato' Speaker, semenjak penyusunan semula kawalan aktiviti sukan air dan pantai mula dikuatkuasakan pada tahun 2009 tiada data kemalangan direkodkan. Berikutnya di mana pada tahun 2011 dan 2012 masing-masing mencatatkan lima kemalangan yang berlaku. Namun pada tahun 2014 dan 2016 telah menunjukkan peningkatan kes kemalangan yang mendadak iaitu empat belas dan lapas belas kes masing-masing. Dan kadar kes Dato' Speaker mula menurun pada tahun 2017 sehingga Jun tahun 2018. Di mana jumlah kemalangan yang tercatat satu kemalangan sahaja. Antara sebab dan faktor kadar kemalangan mengalami kenaikan dan penurunan setelah setiap tahun adalah kecuaiannya pelancong itu sendiri. Faktor angin kuat dan ombak yang kuat yang berlaku di pesisiran pantai.

Dato' Speaker langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh MBPP bagi membendung kemalangan di kawasan pantai adalah seperti berikut. Satu mempergiatkan lagi pemantauan kegiatan aktiviti air. Kedua menjalankan pemeriksaan keselamatan alat sukan air secara berkala. Tiga, mendapatkan kerjasama daripada Angkatan Pertahanan Awam. Empat menguatkuasakan pemakaian *winch boat* bagi mengurangkan kemalangan dan akhirnya memasang CCTV di kawasan pantai bagi memudahkan kawalan dan pemantauan keselamatan. Sekian Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Dengan izin, tambah dua soalan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan pengguna *para sailing* dan *jet ski* semasa cuaca buruk? Apakah peranan Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kes supaya insiden di Sabah yang berlaku pada 3 Ogos lepas di surat khabar bertajuk (dengan izin)... "*bad weather hit two boat spring down parasailure*". Harap ini tidak berlaku di Pulau Pinang. Soalan nombor dua, apakah program atau agenda kerajaan negeri untuk terus memastikan keadaan pantai air dan keindahan di kawasan pantai Batu Ferringhi terkawal di bawah Program "*Penang Beach Make Over*"...(dengan izin). Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Iya, berkenaan soalan yang pertama ingin saya nyatakan bahawa sepertimana dalam jawapan yang saya nyatakan tadi ada pelbagai langkah yang telah dan akan diambil yang mana akan diteruskan untuk memastikan kawalan aktiviti-aktiviti air seperti *jet ski* yang disebut oleh Batu Lancang tadi. Yang penting adalah kita perlu pergiatkan pemantauan kawasan air dan saya percaya ini memang sedang diberi perhatian yang khusus dan juga kita perlu pastikan operator-operator aktiviti-aktiviti ini semua adalah sah. Kerana ada juga kes-kes di mana operator-operator ini adalah tidak sah dan kebanyakannya kemalangan yang berlaku adalah berpunca dan berakibat daripada mereka.

Nombor dua, soalan yang ditanya berkenaan apakah kalau tak saya silap Batu Lancang. Apakah langkah yang sedang di ambil untuk memulihara kawasan pantai *is that correct? That's means* kualiti air di kawasan pantai. *I think* memang ada program yang telah pun dilakukan mantan EXCO Kerajaan Tempatan *infect not* Kerajaan Tempatan, JPS *I think that was project already undertaken and completed* mungkin Tanjung Bunga boleh *confirm* di mana ada satu program pemuliharaan air di kawasan Batu Ferringhi yang telahpun di selesaikan dan *I think* secara berkala kita akan lihat kepada program-program pemuliharaan kualiti air bukan sahaja di kawasan pantai tapi juga di kawasan-kawasan sungai yang ada banyak di kawasan Pulau terutama di DUN saya iaitu kawasan Sungai Pinang yang *actually* merupakan kawasan salah satu aspek dalam RTB Sungai Pinang yang sekarang sedang diteruskan oleh pihak Kerajaan Pusat *of course* itu aspek bukan terpenting peringkat ini yang terpenting Dato' Speaker adalah pelebaran dan pendalaman dan kemudiannya aspek kualiti air ini akan kita lihat.

Yang penting juga tadi ada ditanya peranan Jabatan Meteorologi. *I think is very valid question...*(dengan izin), Dato' Speaker kerana apa yang berlaku November 4 dan 5 dahulu. Kalau kita mendapat maklumat yang lebih awal, kita dapat amaran yang lebih awal daripada Jabatan Meteorologi akan bencana yang akan melanda tersebut saya percaya daripada tujuh (7) kematian yang berlaku untuk kali pertama sejarah Malaysia apabila banjir berlaku ke semua kalau ataupun kebanyakannya boleh dielakkan. Kerana apa yang berlaku Dato' Speaker daripada tujuh (7) yang berlaku kematian itu *for the first time*, empat (4) yang berlaku dalam kawasan DUN saya di Datok Keramat. Saya biasa dengan banjir, semua orang di Malaysia tahu apabila hujan sikit pun P. Ramlee naik air. Itu satu Malaysia tahu. Tapi, kita tak jangka bahawasanya akan ada kematian Dato' Speaker. *And for the first time in my ten years as ADUN for Datok Keramat in happen under my watch* dan mantan Ketua Menteri kita telah membidas Jabatan Meteorologi kerana apa yang berlaku 4 haribulan hari Sabtu dalam pukul 8.00 malam sudah pun kita tahu bahawasanya akan ada hujan lebat, akan ada *typhoon*, akan ada air pasang. Tapi kita tak diberi amaran sehingga jam 10.00 malam. Di mana banjir sudah mula dan ia berlaku dengan begitu cepat sekali. Sehingga menyebabkan di kawasan saya beberapa rumah orang tua, *old folks home...*(dengan izin) mereka tak dapat dikeluarkan menyebabkan kematian. Dan Ketua Menteri. Mantan Ketua Menteri membidas Jabatan Meteorologi dan balik kepada soalan Batu Lancang betul juga kalau ada kejadian ombak ataupun angin kuat. *Infect just the last two (2) day* kita lihat, Dato' Speaker, kalau tak tahu mungkin tau kawasan atau ADUN di sini kawasan terlibat atau tidak.

Kawasan saya terlibat dua (2) hari sebelum ini . Ada angin kencang. Menyebabkan begitu banyak pokok tumbang di kawasan Datok Keramat di lain tempat pun mungkin dan semalam pun ada dan pagi ini pun ada. Kalau ada amaran tentang isu-isu ini kita balik kepada soalan Batu Lancang mungkin kejadian kemalangan di kawasan pantai apabila ada aktiviti-aktiviti pun dapat dibendung kerana di situ kita ada *life guard* yang ada dan boleh beri amaran semua keluar dari air. Tapi malangnya itu tak berlaku sebelum ini. Dan kita harap sekarang dengan ada perubahan di Kerajaan Pusat ini dapat ditangani.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Datok Keramat. Dengan ini saya persilakan Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB Kumaresan a/l Aramugam):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 59.

No. 59. Kediaman Taman Desa Baru, Sungai Dua adalah tanah pajakan 60 tahun (leasehold) dimana pada tahun 1988 Kerajaan Negeri memperuntukkan tapak kediaman kepada mereka untuk mendirikan rumah kerana rumah asal diambil oleh Kerajaan untuk pembinaan Universiti Sains Malaysia (USM). Kini tinggal 30 tahun lagi pajakan.

(a) Adakah kerajaan berhasrat untuk memberi mereka status pegangan kekal?

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima Kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab Yang Berhormat Batu Uban dan untuk makluman Dewan yang mulia ini. Pemilik tanah di Taman Desa Baru Sungai Dua di Pulau. Boleh kemukakan permohonan untuk menyambung tempoh pajakan tanah tersebut kepada 60 tahun atau 99

tahun ataupun memohon pemberimilikan tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri apabila tempoh pajakan telah tamat tempohnya. Pihak Berkuasa Negeri boleh mempertimbangkan kelulusan permohonan tersebut sepertimana ditetapkan oleh Kanun Tanah Negara Tahun 1965.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Saya cuma tertarik dengan soalan tentang tanah pajakan 60 tahun di kawasan Tasek Gelugor di kawasan Bagan Ajam juga ada tanah di kawasan Kampung Contoh juga dan Bagan Lebai Tahir sekarang tinggal 30 tahun kalau tak silap saya. Jadi kalau boleh kita juga minta pemohon sepertimana yang telah disarankan dan kalau boleh kawasan ini mempunyai rumah yang agak ramai 50 ke 60 biji rumah. Jadi mungkin kita minta kalau terus diberi pegangan kekal kepada penduduk.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima Kasih. Sementara menunggu satu keputusan dasar iaitu di aplikasi kepada semua kes. Dalam kes-kes tertentu memang pemilik tak perlu tunggu sampai tamat pajakan itu, kalau ada baki 30 tahun, 15 tahun pun boleh kemukakan permohonan untuk *surrender* dan juga mendapat pajakan yang baru atau beri milikan yang baru supaya dapat meneruskan di atas tanah berkenaan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, Yang Amat Berhormat. Seterusnya saya ingin persilakan Yang Berhormat Jawi.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua soalan saya, soalan nombor 60.

No. 60. Masalah Jawatankuasa Pengurusan (MC) Badan Pengurusan rumah kos rendah tidak dapat diselesaikan di banyak kawasan khususnya di KADUN Jawi kerana kebanyakan kawasan tidak ada badan pengurusan untuk mengurus.

- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai langkah untuk membantu menyelesaikan masalah tersebut selain daripada langkah yang diambil oleh Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Perbandaran Seberang Perai.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebelum EXCO menjawab memandangkan perkara ini telahpun digulungkan, sila ringkaskan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker atas pandangan tersebut benda ini soalan-soalan yang memang sudah saya gulung semalam iaitu berkenaan masalah Jawatankuasa Pengurusan ataupun MC ataupun Badan Pengurusan rumah kos rendah tidak dapat di selesaikan di banyak kawasan-kawasan khususnya di kawasan DUN Jawi. Dan ini membawa kepada permasalahan tiada pengurusan dan apakah peranan COB di MPSP untuk menanganinya.

Sebenarnya semalam saya ringkaskan sepertimana Dato' Speaker nyatakan ini sememangnya satu masalah yang tidak dapat nafikan wujud bukan sahaja di Jawi tetapi di keseluruhan Negeri Pulau Pinang. Ada banyak kes-kes di skim-skim perumahan yang mempunyai masalah ini tetapi jawapan saya sepertimana saya nyatakan tadi semalam adalah ada peruntukan perundangan iaitu membolehkan COB ataupun Pesuruhjaya Bangunan di kedua-dua PBT untuk melantik Ajen Pengurus *or Management Agent* dibawah Seksyen 86 Akta Pengurusan Strata 2013. Selain daripada itu kita juga telah membantu skim-skim perumahan yang mempunyai JMB dan MC melalui tabung penyelenggaraan 80:20 sepertimana semalam juga saya ada nyatakan di mana untuk skim perumahan swasta setakat ini sejak penubuhan tabung tersebut Dato' Speaker pada 2013, sejumlah hampir RM24 juta kita telah salurkan kepada skim-skim perumahan swasta ini. Jadi itulah jawapan saya ringkas pada Jawi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Dato' Yang di-Pertua. Soalan tambahan satu sahaja. Berkenaan dengan memandangkan kebanyakan skim perumahan di bawah *low cost* tidak ada badan pengurusan. So soalan saya sekiranya ada berlaku apa-apa kepada bangunan di bawah satu skim yang tidak ada Badan Pengurusan, adakah Kerajaan Negeri memberi bantuan kecemasan selain daripada bantuan khas dari ADUN kawasan

contohnya apabila berlaku kebakaran ataupun ribut ataupun *structure* diserang oleh anai-anai di tingkat atas yang melibatkan struktur bumbung perlu ditukar. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Dato' Speaker berkenaan isu dengan saya sebut yang *last* dulu. Pertama iaitu anai-anai *that will come under 80:20* penaiktarafan ataupun penukaran bumbung satu daripada permasalahan yang dapat kita tangani melalui tabung tersebut, itu satu.

Yang kedua semalam juga saya telah sentuh tentang bencana. Seperti ribut ataupun api dan sebagainya. Itu bukan di bawah tabung ini tetapi di bawah Jabatan Kebajikan Negeri. Tetapi *for your information Dato' Speaker, on that case by case basis*. Untuk *case by case basis* ada kalanya Kerajaan Negeri ada buat keputusan untuk membantu kerana ni bencana yang luar dugaan kita dan telahpun berlaku sebelum ini. Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Seterusnya Bukit Tambun.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Terima kasih Dato' Speaker soalan saya soalan nombor 61.

No. 61. Penyediaan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Seberang Perai.

- (a) Adakah *zoning* berasingan akan diadakan untuk penternak ayam, ikan dalam sangkar?
- (b) Apakah garis panduan penternakan khinzir dan ayam secara tertutup dan jenis insentif diberikan kepada penternak?
- (c) Adakah dikaji semula bayaran tol penternak ikan, menyediakan zon larangan memancing di kawasan ternakan?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih daripada rakan saya dari Kawasan Bukit Tambun yang menanyakan tentang penyediaan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Seberang Perai di mana ditanyakan secara khusus. Satu, adakah *zoning* berasingan akan diadakan untuk penternak ayam dan ikan dalam sangkar? Dua, apakah garis panduan penternakan khinzir dan ayam secara tertutup dan apakah jenis insentif yang diberikan kepada penternak? Dan tiga, adakah dikaji semula bayaran TOL penternak ikan dan penyediaan zon larangan memancing di kawasan ternakan?

Dato' Speaker bagi menjawab soalan ini. Untuk soalan yang pertama, aktiviti untuk penternakan ayam dan ikan dalam sangkar akan dikekalkan di bawah *zoning* pertanian bagi Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Seberang Perai. Untuk yang kedua, Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau JPV telah mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan sistem kandang tertutup bagi penternakan khinzir dan peladangan ayam dan unggas. Garis Panduan ini telah dibentang dan bincangkan semasa sesi perjumpaan bersama penternak di mana setiap kandang tertutup haruslah keseluruhannya bertutup rapat kecuali di bahagian keluar masuk sahaja, di bahagian keluar masuk udara. Kandang tertutup juga perlu mematuhi syarat minima iaitu mempunyai komponen utama dan sokongan utama iaitu bangunan kandang sistem pengudaraan, bekalan elektrik, dan *standby generator*, pengesan suhu dan kelembapan, kelengkapan sistem amaran, peralatan makanan dan minum, lampu dan panel sistem kawalan automatik.

Antara insentif Dato' Speaker yang diberikan kepada penternak khinzir untuk menaik taraf dari fasiliti ladang terbuka kepada ladang tertutup adalah seperti berikut Dato' Speaker. Satu pengecualian pelan Kebenaran Merancang ataupun (KM) yang perlu mendapat kelulusan pelan bangunan sahaja. *Only Building plan, no need to submit KM*, Dato' Speaker. Kedua, pengecualian kepada syarat tukar guna tanah daripada pertanian kepada industri. Tiga, pengecualian daripada dikenakan *Universal Design* seperti kemudahan OKU, Parkir dan Landskap. Empat, bayaran dinaikkan atau penalti Dato' Speaker terhadap pengusaha naik taraf tanpa kebenaran tidak dikenakan terhadap pengusaha-pengusaha oleh PBT-PBT. Manakala bagi penternakan ayam atau unggas, insentif pengecualian PKM yang sama sedang diusahakan. *Infect* apabila jawapan ini di sediakan pada masa yang sama ini telah pun diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk unggas. Garis panduan telah pun kita setujui semua pengecualian tersebut terpakai juga kepada penternak unggas.

Dan seterusnya bayaran TOL, bagi penternak ikan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan tanah Negeri Pulau Pinang ataupun *Penang Land Rules*. Dan kadar yang dikenakan adalah seperti berikut Dato' Speaker. Nombor satu di atas tanah, Perkara 6J(a) Jadual II Peraturan-Peraturan Tanah Negeri Pulau

Pinang (Pindaan) 2013 iaitu RM300.00 per 1,000 kaki persegi setahun atau sebahagian daripadanya. Dan dua di atas air, Perkara 6J(b) Jadual II, peraturan sama iaitu RM450.00 per 1,000 kaki persegi setahun atau sebahagian daripadanya.

Dato' Speaker, semakan terakhir yang dilakukan berkenaan tol pada 25 Mac 2018 dan kadarnya masih kekal sehingga kini dan sementara itu bagi zon larangan memancing dikawasan ternakan sememangnya tidak dibenarkan kerana ia adalah di dalam kawasan hak milik persendirian. Sekian, Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Terima kasih kepada jawapan dari ADUN Datok Keramat. Memandangkan pengecualian PKM telah diberi kepada yang tukar kepada *Modern Pick Farming*. Adakah permohonan (CCC) masih perlu diperlukan.

Soalan kedua memandangkan apabila penternakan tradisional ditukarkan kepada *Modern Pick Farming* iaitu ditutup sepenuhnya, adakah syarat *sprinkle* di perlukan oleh Jabatan Bomba.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Berkenaan pengecualian yang diberikan Permohonan Kebenaran Merancang memang saya sebut tadi telah pun dibenarkan untuk kedua-kedua *close door farming* ataupun penternakan secara bertutup untuk penternakan khinzir dan juga unggas. Baru-baru ini berkenaan soalan CCC yang ditanya sama ada itu masih diperlukan diperingkat ini saya nampak tiada apa-apa pengecualian terhadap itu yang diberikan tetapi kita boleh lihat sama ada itu pun kita boleh pertimbangkan kerana itu adalah insentif yang diberikan untuk menggalakkan penternakan sedemikian rupa kerana kita mengalami pelbagai masalah pencemaran udara terutamanya di kawasan Seberang *especially I think is SPS very badly effected...* (dengan izin), Dato' Speaker *I think it common knowledge, so we can looking to that*. Kalau sememangnya perlu saya dinyatakan kerana itu bukan salah satu dari insentif yang diberikan. *We will look. Thank you very much. Your second question was...(gangguan)*.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

So, Jabatan Bomba dan masih akan mengenakan syarat *sprinkle*. *Because....(gangguan)*.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Yes, I think* itu masih diperlukan. Saya difahamkan itu masih diperlukan sepertimana saya jawab tadi Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Satu sahaja.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Jadi apakah *zoning* untuk kawasan tanaman padi, sawah padi akan turut dikekalkan ataupun akan ditukar kepada kawasan-kawasan perumahan dan sebagainya. Saya minta dikekalkan 12,000 hektar sahaja tinggal.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Ini dari penternakan pergi kepada *zoning* tapi *still the zoning question*. *So, I will answer*. Memang untuk padi Dato' Sungai Dua, rakan saya daripada Sungai Dua ini satu perkara sensitif dan dari penggal dahulu sampai sekarang juga apabila ada permohonan-permohonan yang dibawa kepada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk perlingkungan semula daripada pertanian yang melibatkan padi-padi, sawah-sawah padi kita banyak sensitif terhadap ini dan kebanyakannya seringkali kita tolak kalau didapati ia adalah kawasan padi aktif, so memang itu jawapan saya yang ringkas pada Sungai Dua. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Dato' Keramat. Seterusnya soalan 62 dari Kawasan Pantai Jerejak, memandangkan Pantai Jerejak tidak ada dalam Dewan soalan dilangkau. Soalan 63. dipersilakan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 63. Sekian.

No. 63. Adakah terdapat komunikasi dan persefahaman antara Jabatan Kerajaan dan Swasta yang terlibat secara terus dengan infrastruktur awam?

- (a) Bagaimanakah jabatan-jabatan tersebut bersidang untuk bertukar serta berkongsi maklumat jadual penyelenggaraan yang telah dirancang bagi mengelakkan situasi jalan raya kerap digali?

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima Kasih Dato' Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Pulau Tikus atas soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya wujud komunikasi dan persefahaman antara Jabatan Kerajaan dan juga pihak swasta yang terlibat secara terus berkenaan dengan infrastruktur awam di Pulau Pinang. Jabatan-Jabatan yang terlibat akan berbincang melalui Mesyuarat Jawatankuasa MMK Kerja Raya dan Utiliti yang diadakan secara berkala untuk bertukar dan kongsi maklumat berkenaan dengan Kerja Raya dan isu-isu yang berbangkit. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan juga akan mensyaratkan kepada syarikat utiliti untuk melaksanakan kerja secara *Horizontal Directional Drilling (HDD)* atau *Pipe Jacking* bagi jalan-jalan yang perlu dikorek setelah kerja penurapan jalan baharu dibuat.

Dalam masa yang sama PBT juga akan mendapat ulasan awal daripada syarikat utiliti sekiranya terdapat jalan-jalan yang akan diturap semula oleh PBT khususnya kerja-kerja yang tak dapat dielakkan untuk membaiki segera demi kepentingan penggunaan dan keselamatan jalan raya. Di samping itu, PBT juga turut mengadakan Mesyuarat Utiliti setiap bulan, saya rasa Yang Berhormat pun tahu untuk memantau setiap permit pengorekan jalan yang telah dikeluarkan kepada syarikat utiliti. Terima Kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Dato' Yang di-Pertua ada soalan tambahan kepada Yang Berhormat Tanjung Bunga. Setiap kali berlaku penyelenggaraan jalan khususnya yang melibatkan pengorekan jalan, Pejabat ADUN akan menerima pertanyaan daripada penduduk setempat dan pengguna jalan raya. Oleh itu, saya nak bertanya sama ada jadual penyelenggaraan akan diberikan kepada ADUN kawasan. Sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih, Yang Berhormat Pulau Tikus. Sebenarnya saya amat faham isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Saya rasa semua wakil-wakil rakyat pun berhadapan dengan isu yang sama. Untuk menjawab bagi kerja-kerja penyelenggaraan rutin sepatutnya akan dibawa kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKTD) bagi pemakluman semua. Tapi saya rasa masalah yang kita hadapi biasanya bukan berkait dengan kerja-kerja penyelenggaraan rutin sebaliknya adalah kerja-kerja yang membabitkan pengorekan jalan ataupun *road cutting*. Itu yang biasanya mendatangkan masalah aliran lalu lintas dan sebagainya. Dan untuk ini pihak kontraktor sebenarnya dikehendeki memaparkan papan tanda projek yang jelas tertera keatasnya nombor telefon dan juga nama Penyelia Projek agar dapat dihubungi. Tambahan pada itu pihak Polis juga dimaklumkan apabila berlaku projek-projek yang pengorekan jalan dan sebagainya sebab apabila permit dikeluarkan pihak Polis akan menerima satu salinan. Maka mungkin satu jalan penyelesaian yang saya boleh cadang di sini adalah apabila permit dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Jalan sama ada PBT atau JKR mungkin satu salinan dapat diberikan kepada ADUN kawasan supaya ADUN kawasan dapat tahu bahawa kerja-kerja *road cutting* atau pengorekan jalan akan berlaku dalam kawasannya. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Seterusnya saya boleh persilakan lagi dari Sungai Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 64.

No. 64. Berapa jumlah Cukai Keraajaan Tempatan yang telah berjaya dikutip daripada semua tetamu hotel pada tahun 2017? Bagaimanakah cukai ini digunakan dan bagaimanakah cukai dikutip boleh memanfaatkan rakyat Pulau Pinang? Huraikan.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Terima kasih Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan ini Cukai Kerajaan Tempatan yang dimaksudkan adalah fi hotel atau *hotel fee*...(dengan izin). Kutipan fi hotel pada tahun 2017 adalah sejumlah RM9,807,890.00 sahaja. Hasil kutipan fi hotel adalah digunakan bagi tujuan pembangunan pelancongan Pulau Pinang seperti promosi pelancongan, penganjuran program pelancongan, pembangunan acara *business event*, dan pemberian insentif penerbangan terus ke Pulau Pinang. Secara umumnya, kutipan fi hotel untuk meningkatkan kemasukkan pelancong ke Negeri Pulau Pinang. Melalui kemasukan lebih ramai pelancong, industri-industri yang berkaitan seperti perhotelan, pengangkutan, kawasan-kawasan tarikan pelancongan, kraftangan, makanan dan sebagainya akan berkembang pesat. Seterusnya ia akan menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan dan perniagaan serta pertumbuhan ekonomi negeri yang akan meningkatkan taraf hidup rakyat.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih Paya Terubong. Kami juga difahamkan bahawa Kerajaan Pusat juga ada mengutip cukai seperti cukai hotel dan cukai pelancongan. Jadi maka, adakah Kerajaan Pusat akan mengembalikan sebahagian daripada cukai yang dikutip itu kepada negeri kita supaya untuk seperti tujuan untuk promosi sektor pelancongan di negeri kita. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Terima kasih Sungai Pinang. Menyebut perkara ini, ini memang satu perkara yang marahlah, sangat marah. So selain hotel fi yang dikutip oleh Kerajaan Negeri juga terdapat cukai pelancongan yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan dan ia berkuatkuasa mulai 1hb. September 2017 untuk seluruh Negara Malaysia termasuk Pulau Pinang. Cukai pelancongan ini adalah RM10.00 untuk satu bilik tetapi hanya untuk *foreigner*, untuk orang asing, bukan untuk orang tempatan. Dan cukai pelancongan ini dikutip di hotel dan akan dikutip dan disalur kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Dia berbeza dengan hotel fi yang dikutip oleh Kerajaan Negeri. Hotel fi yang dikutip oleh Kerajaan Negeri akan disalur kepada Kerajaan Tempatan dan cukai pelancongan yang dikutip oleh pusat akan dibayar kepada Jabatan Kastam.

Mengikut maklumat yang diberi kutipan untuk cukai pelancongan ini dari 1hb. September – 31 Disember tahun lepas, untuk Pulau Pinang adalah sejumlah RM1,940,817.00 dan difahamkan juga Kerajaan Persekutuan telah bersetuju bahawa 50% yang dikutip ini akan disalur balik kepada Kerajaan Negeri dan ini mungkin dahulunya sebab perbezaan antara Pusat dan Negeri, jadi Pusat dahulu tidak pernah menghulur balik duit ini kepada Kerajaan Negeri. Untuk tindakan ini saya telah mengarahkan BPEN untuk menulis surat bagi Kementerian Pelancongan dan untuk menuntut balik duit yang sepatutnya dikembalikan kepada Kerajaan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Paya Terubong. Ahli-Ahli Yang Berhormat satu jam 30 minit untuk soalan lisan telah pun tamat selaras dengan Sub Peraturan 26(7) Peraturan-Peraturan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas meja Ahli-Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi. Bagi soalan-soalan yang tidak dapat dijawab, jawapan akan diberi secara bertulis sebentar lagi dan juga akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita masih dalam sesi penggulungan dan saya ingin mempersilakan Ahli Yang Berhormat Padang Kota.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, Selamat pagi dan Salam Harapan. Sebelum saya mulakan penggulungan atas isu-isu yang dibangkitkan sepanjang perbahasan usul mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun kerana membuka persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 3 Ogos yang lalu.

Saya ingin ambil kesempatan ini untuk menyampaikan simpati dan *solidarity* kepada rakyat Indonesia khususnya para penduduk Pulau Lombok yang telah dilanda bencana gempa bumi tiga (3) kali dalam dua (2) minggu yang meninggalkan lebih 347 mangsa yang meninggal, 1,447 orang mengalami kecederaan dan lebih 165,000 orang yang telah hilang kediaman. Gempa bumi pertama berskala 6.2 *richter scale* telah melanda Lombok pada 29 Julai yang lalu. Disusuli oleh gempa yang berskala 7 dan pada 5 Ogos dan paling terkini gempa susulan berskala 6.2 telah menggegarkan Lombok petang semalam dan hampir 355 gempa susulan telah menggegarkan Lombok sejak gempa besar pada Ahad yang lepas. Rakyat di Lombok sedang mengalami trauma dan ianya mungkin akan menghantui mereka dalam satu jangka masa yang panjang. Pada kesempatan ini di Dewan yang mulia ini, saya bagi pihak Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang ingin menyampaikan simpati dan *solidarity* kita kepada seluruh warga Lombok dan warga Indonesia pada saat-saat genting ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga akan menyampaikan kesetiaan kita untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang terjejas teruk oleh bencana ini melalui Konsul Jeneral Indonesia di Pulau Pinang. Pada kesempatan ini juga saya minta seluruh rakyat Pulau Pinang untuk menghulur apa juga bantuan kepada warga Lombok dan marilah kita berdoa supaya rakyat Lombok selamat dan menghadapi malapetaka ini dengan hati yang tabah.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk ucapkan tahniah dan syabas kepada semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini kerana telah menunjukkan kesungguhan ketika mengambil bahagian dalam sesi perbahasan pada Mesyuarat Dewan Undangan Negeri pada kali ini. Meski pun banyak muka-muka baru, pandang sana semua tetapi ia ternyata tidak menjadi penghalang untuk semua Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan pelbagai isu demi kepentingan awam di KADUN masing-masing. Kerajaan Negeri berjanji akan memberikan perhatian sewajarnya terhadap ke semua cadangan dan teguran serta akan berusaha untuk melaksanakan cadangan yang telah dikemukakan.

Seperti mana yang kita semua sedia maklum, Pilihanraya Umum Ke-14 pada 9 Mei yang lalu, telah menyaksikan rakyat Malaysia memberi mandat baru kepada Kerajaan Pakatan Harapan untuk menerajui Negara Malaysia. Malah di Negeri Pulau Pinang kita berjaya mengekalkan pentadbiran negeri ini sekali lagi dengan majoriti yang lebih besar. Tahun ini menandakan genapnya 10 tahun pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang berlandaskan prinsip "Cekap, Akauntabiliti dan Telus" (CAT).

Masih segar dalam ingatan kepada perubahan kuasa berlaku di Pulau Pinang buat pertama kalinya pada tahun 2008. Pulau Pinang berada dalam keadaan yang kurang mengujakan pada ketika itu. Pulau Pinang diselubungi dengan keadaan kewangan negeri yang tidak stabil, perbelanjaan kerajaan yang tinggi melampaui belanjawan tahunan, malah bandar dan pekan kecil kelihatan tidak bermaya dan kotor. Namun, Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran mantan Ketua Menteri, Saudara Lim Guan Eng telah bekerja keras untuk membawa perubahan sehingga Negeri Pulau Pinang kini gah di persadanya yang tersendiri. Saudara Lim telah menyediakan landasan yang kukuh untuk Negeri Pulau Pinang terus maju. Tanggungjawab itu kini di bahu kita semua bagi memastikan Negeri Pulau Pinang terus mengecapi kejayaan.

Sebelum PRU Ke-14 yang lalu, sukar untuk Pulau Pinang menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan ketika itu. meski pun Pulau Pinang memiliki segala kemudahan dan kelengkapan infrastruktur serta merupakan antara negeri penyumbang cukai terbesar di Malaysia. Dalam erti kata lain, Pulau Pinang telah lama dipinggirkan terutama dalam penganjuran program-program Kerajaan Persekutuan dan pemberian peruntukan pembangunan yang telah dikurangkan. Sebagai contoh penganjuran Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2018 pada 4 Ogos yang lalu di Padang Kota Lama sememangnya amat bermakna untuk Negeri Pulau Pinang. Sudah lama kita menantikan saat-saat ini. Oleh itu, saya berharap agar pemilihan Pulau Pinang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadi tuan rumah bagi program-program berimpak tinggi sedemikian diharapkan akan menjadi titik permulaan kepada Pulau Pinang untuk terus menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan.

Karenah birokrasi dan ketidaksamaan fahaman politik yang mungkin wujud dan diamalkan sebelum ini diharap dapat dihapuskan berikutan amalan keterbukaan yang menjadi agenda Kerajaan Baharu kini. Suka saya tekankan bahawa kita di pihak Kerajaan Negeri harus menggunakan peluang yang terbuka luas untuk menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan. Projek ataupun program yang selama ini dilaksanakan secara bersendirian oleh Kerajaan Negeri kini sudah boleh diusahakan bersama-sama Kerajaan Persekutuan yang mana sudah pasti akan dapat memberi nilai tambah atau *value added* kepada negeri kita. Jadi, saya ingin menyeru kepada barisan EXCO Kerajaan Negeri dan semua Ahli-ahli Dewan untuk mengambil peluang kecemasan, keemasan ini...(Ahli Dewan ketawa). Sama jugalah. Dalam kecemasan ada keemasan...(Ahli Dewan ketawa).

Saya dan barisan EXCO yang dipilih dalam penggal ini akan memastikan kesemua 68 janji pilihanraya dalam manifesto 'Saya Sayang Pulau Pinang' akan dapat dilaksanakan seperti yang dijanjikan dalam penggal ini juga. Sehingga kini, sebahagiannya telah ditepati, ada yang masih di peringkat perancangan dan beberapa projek yang memerlukan kelulusan di peringkat Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri



akan meneruskan prestasi yang cemerlang ini. Untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri contoh setelah Pakatan Harapan Pulau Pinang diberi mandat ketiga untuk terus memerintah negeri ini. Saya berpandangan bahawa Pentadbiran Kerajaan Negeri telah menunjukkan semangat kecekapan, keharmonian dan keikhlasan dalam menjalankan tugas. Justeru itu, saya yakin Negeri Pulau Pinang bakal menjadi negeri pintar yang bertaraf antarabangsa serta terus dikunjungi oleh para pelancong dalam dan luar negara.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, di bawah portfolio saya berkaitan bidang pengangkutan, ada beberapa perkara yang ingin saya tekankan di sini terutamanya berkaitan Pelan Induk Pengangkutan, Projek Tambakan *Penang South Reclamation* dan perkhidmatan bas percuma. Pelan Induk Pengangkutan atau PIP telah menjadi isu yang hangat ketika ini selepas Kerajaan Negeri mengumumkan pelaksanaan projek *Pan Island Link 1*. Pelbagai pihak tampil untuk menentang, mengkritik malah ada yang menyokong projek tersebut. Saya ingin mengulangi sekali lagi bahawa kajian terperinci masih dijalankan sebelum jajaran dan reka bentuk *Pan Island Link 1* dimuktamadkan. Kerajaan Negeri akan memastikan ke semua garis panduan dipatuhi dan diambil kira sebelum sesuatu projek itu dimulakan. Saya ingin tekankan sekali lagi bahawa projek lebuhraya ini sangat diperlukan pada masa hadapan bagi mengalihkan dan mengurangkan kesesakan trafik di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Jalan Masjid Negeri. Perhatian yang sewajarnya akan diberikan berkaitan reka bentuk *Pan Island Link 1* untuk memastikan kesan dan impak yang minimum kepada alam sekitar dan komuniti setempat. Pembinaan jalan pada paras tanah sedia ada (*at-grade*) telah dikurangkan dan reka bentuk secara bertingkat dan terowong telah digunapakai. Daripada keseluruhan panjang PIL 1 sejauh 19.5 km, 10.1 km panjang atau 52% adalah terowong manakala 7.6km atau 39% adalah bertingkat untuk meminimalkan pemetongan bukit. Hanya 1.8km atau 9% adalah *embankment*. Pelan mitigasi dirancang untuk menyediakan penghadang bunyi (*noise barriers*) di kawasan-kawasan yang sensitif serta menaiktaraf dua taman rekreasi utama yang berada di sekitar jajaran. Malah terdapat perancangan untuk menambahbaik struktur PIL 1 ini selaras dengan konsep *greener*.

Walaupun bagaimanapun, perancangan ini hanya akan dilaksanakan setelah lebuhraya ini disiapkan. Kerajaan Negeri percaya pembinaan lebuhraya masih perlu dilaksanakan meskipun terdapat perancangan pelaksanaan LRT kerana peralihan kepada kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam sahaja tidak berupaya menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Malah perubahan ini tidak boleh dijangka akan berubah dalam tempoh masa yang pendek. Ini adalah kerana pertambahan kenderaan persendirian tidak dapat dielakkan sepenuhnya walaupun kualiti perkhidmatan pengangkutan awam dipertingkatkan dan penambahan bilangan penduduk serta pembangunan baru akan memerlukan perhubungan jalan-jalan baru dengan jalan-jalan yang sedia ada. Oleh yang demikian, jalan-jalan masih perlu dibina atau dinaiktaraf untuk menampung peningkatan dalam aktiviti perniagaan, perkhidmatan serta pekerjaan.

Seperti yang semua sedia maklum, jumlah penduduk Pulau Pinang adalah seramai 1.7 juta dan tidak semuanya menunjukkan bantahan terhadap projek ini malah mendapat sokongan daripada sebahagian besar rakyat Pulau Pinang seperti yang telah ditunjukkan tempoh hari. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Walaupun bagaimanapun, peruntukan atau sesuatu model kewangan amatlah penting untuk melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan ini secara menyeluruh. Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat sekalian bahawa pembangunan mampan sesebuah negeri adalah bergantung kepada sesuatu pelan perancangan yang sistematik dan realistik yang dapat memberi impak positif kepada kadar pertumbuhan ekonomi, *livability* dan *sustainability* sesuatu bandar. Oleh yang demikian, Projek Tambakan *Penang South Reclamation* adalah penting dalam membiayai pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang ini.

Kerajaan Negeri ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bayan Lepas kerana memberi komitmen untuk bekerjasama dalam menjaga kepentingan para nelayan yang dijangka akan terjejas dalam Projek Tambakan PSR secara langsung dan tidak langsung. Untuk makluman Dewan ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa kajian dalam memastikan pelan-pelan alternatif dicadangkan secara komprehensif dengan mengambil kira kepentingan para nelayan dalam laporan-laporan yang dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk kelulusan. Kerajaan Negeri juga telah memberi komitmen untuk meneruskan sesi penglibatan bersama orang awam sehingga memperolehi kelulusan muktamad daripada Kerajaan Persekutuan. Projek tambakan PSR ini merupakan projek transformasi ekonomi untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah hab perkhidmatan dan pembuatan antarabangsa yang teguh. Saya ingin tambah apa yang saya jelaskan pada pagi ini iaitu pada 29 Jun tahun ini saya sudah pun menulis kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memohon pembiayaan sepenuhnya LRT atau setidak-tidaknya pinjaman tanpa faedah. Kita masih menunggu jawapan dan harap jawapan adalah positif.

Berhubung dengan bas percuma CAT. Seperti yang semua sedia maklum, perkhidmatan bas percuma *I Love Penang Congestion Alleviation Transport (CAT)* telah dilancarkan oleh mantan Ketua Menteri pada 1 April. Perincian kepada perkhidmatan ini telah dijawab dalam beberapa soalan bertulis yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat sekalian antaranya Yang Berhormat Bukit Tengah, Permatang Pasir dan Bukit Tambun. Manakala beberapa Yang Berhormat yang lain turut memohon agar perkhidmatan ini dipanjangkan ke kawasan-kawasan mereka termasuk daripada Yang Berhormat Sungai Pinang dan juga Yang Berhormat Sungai Dua. Dan ada juga Yang Berhormat Bertam minta dikaji supaya bas-bas ini dapat mencapai matlamat sebenarnya dari segi sampai ke tempat-tempat wajib yang dapat penumpang yang banyak. Ketika ini mungkin kurangnya publisiti yang berkesan maka, kemungkinan penduduk-penduduk sekitar itu masih belum sesuaikan diri dengan perkhidmatan ini. Dan kalau Pulau Betong pun ada permintaan tambahan supaya dilanjutkan jajaran perkhidmatan ini. Perkara ini memang dalam perancangan kita telah ambil kira sejauh mana kita nak perkhidmatan ini sampai. Dan kita perlu ada satu keseimbangan dari segi kekerapan satu-satu bas dan berapa panjangnya tempoh masa untuk menyempurnakan satu *loop*.

Maka kalau kita membawa perkhidmatan ini ke tempat-tempat yang jauh daripada pusat maka ini memerlukan kemungkinan bas yang tambahan, kalau tidak maka akan menjejaskan frekuensi atau kekerapan perjalanan sebab perlu memberi perkhidmatan ke tempat yang lebih jauh daripada apa yang dirancangan. Walau bagaimanapun kita berharap perkhidmatan ini akan menjadi semakin popular kerana itu permintaan untuk menggunakan perkhidmatan bas awam ini semakin meningkat.

Kita pun merasa gembira sebab Menteri Pengangkutan yang telah menubuhkan Majlis Pengangkutan Negara akan bersidang dalam dua tiga minggu dan telah menjemput Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membentangkan perkhidmatan CAT ini kepada Majlis Pengangkutan Negara supaya kalau boleh perkhidmatan CAT ini dapat diperkenalkan juga di negeri-negeri atau bandaraya-bandaraya yang lain selain daripada Pulau Pinang...(Ahli Dewan menepuk meja).

Kerajaan Negeri perlu belanjakan RM15 juta bukan satu jumlah yang kecil dan memang kita berharap perkhidmatan ini dapat digunakan secara optimum oleh rakyat Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, perkhidmatan *feeder bus* untuk menghubungkan *first mile and last mile connectivity* merupakan salah satu perkara yang turut dititikberatkan oleh Kerajaan Negeri terutamanya setelah perkhidmatan LRT dilaksanakan kelak. Ini bagi memastikan penggunaan pengangkutan awam berada pada tahap optimum dan orang awam tidak perlu memandu untuk ke stesen-stesen LRT.

Berkenaan dengan isu pengangkutan di kawasan kampung. Cadangan ini bukanlah cadangan baru sebaliknya kita pun berusaha bersama Yang Berhormat Penanti sejak tahun 2016. Pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan operator van sebagai operator yang berminat untuk memberi perkhidmatan ini. Yang Berhormat Penanti pun sendiri ada ambil bahagian dalam perbincangan ini tetapi operator tidak dapat memberi, operator telah menarik diri pada saat-saat akhir. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan cuba meneliti perkara ini sekali lagi.

Laluan khas bas juga ada dibangkitkan terutamanya cadangan mewujudkan laluan khas bas di atas Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Kedua. Pada ketika ini perkhidmatan BEST FIZ dan BEST KOMTAR telah pun dilaksanakan. Kerajaan Negeri mengambil maklum dan akan meneliti keperluan laluan khas bas di atas jambatan sekiranya perlu. Seterusnya adalah mengenai pembinaan hub pengangkutan di kawasan Seberang Perai Selatan. Walaupun ADUN kawasan telah bertukar, tetapi selagi tidak menjadi realiti isu ini akan dibangkitkan juga. Dan kita berharap usaha bersama NCIA yang ingin membina satu hub pengangkutan awam di jalan persekutuan Nibong Tebal berdekatan dengan Stesyen Keretapi Nibong Tebal ini dapat direalisasikan dan Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama NCIA mengenai perkara ini.

Berhubung dengan hal ehwal tanah dan pembangunan tanah. Kerajaan Negeri komited untuk memastikan kawasan hijau dan hutan simpanan terus kekal dipelihara. Kerajaan Negeri ingin mengekalkan rekod sebelum ini yang mana tiada seinci pun Hutan Simpan Kekal disentuh untuk sebarang bentuk pembangunan. Sebaliknya Kerajaan Negeri kini dalam proses untuk mewartakan pula sebahagian besar Pulau Jerejak sebagai Hutan Simpan Kekal...(Ahli Dewan menepuk meja).

Berkaitan isu berkaitan pencerobohan tanah kerajaan di Daerah Barat Daya, khususnya seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pantai Jerejak. Kerajaan Negeri amat mematuhi Kanun Tanah Negara yang memperuntukkan Notis Pencerobohan Tanah Kerajaan Seksyen 425 akan dikeluarkan kepada penceroboh termasuk di dalam tanah rizab pantai, sungai dan jalan. Justeru, tindakan penguatkuasaan boleh diambil sekiranya penceroboh gagal mengosongkan tanah yang dimaksudkan. Dan sememangnya kita pun terima rayuan dan kita akan timbangkan rayuan selari dengan falsafah untuk menyediakan tempat alternatif kalau boleh sebelum tindakan penguatkuasaan. Saya difahamkan di

Daerah Barat Daya sebanyak 132 notis telah dikeluarkan pada tahun 2017. Manakala 39 notis dikeluarkan pada tahun ini sehingga bulan Julai.

Berhubung dengan pembangunan di Batu Kawan pula, Setakat 30 Jun tahun 2018, baki tanah yang masih dimiliki oleh PDC di Batu Kawan adalah 2,849 ekar termasuk tanah industri. PDC merancang untuk membangunkan baki tanah di Bandar Cassia dengan komponen-komponen pembangunan seperti perindustrian, pembangunan bercampur serta kemudahan masyarakat yang akan melengkapi sebuah bandar baharu yang mampan berkonsepkan *Eco-City*. Manakala pembangunan projek perumahan pula lebih memberi tumpuan kepada semua lapisan masyarakat yang berkonsepkan *work, live, learn & play*. Pembangunan di Bandar Cassia ini akan dilaksanakan secara berperingkat dengan mengambil kira faktor ekonomi, kehendak pasaran dan keperluan semasa. Pada tahun ini, PDC juga telah merancang untuk membangunkan tanah di Bandar Cassia melalui *Request For Proposal*. Antara komponen pembangunan yang sedang dibuat pada ketika ini melalui RFP adalah *Geriatric Wellness Village*, Pembangunan bercampur dan *Linear Park*. PDC juga telah selesai proses pengiklanan tender terbuka untuk membina stesen minyak dan F&B pertama di Bandar Cassia.

Pembangunan mampan, Dato' Yang di-Pertua. Sejak 10 tahun yang lalu, Kerajaan Negeri telah berusaha memastikan setiap projek atau program yang dilaksanakan menjurus kearah pengwujudan Bandaraya Pulau Pinang yang mampan dan berdaya saing. Ini termasuklah amalan pentadbiran Kerajaan Negeri yang berasaskan tadbir urus CAT yang menjadikan Pulau Pinang diiktiraf sebagai sebuah negeri yang bersih oleh Ketua Audit Negara. Selain itu Pulau Pinang juga merupakan negeri pertama dan perintis di Malaysia, yang menganjurkan kempen "Hari Tanpa Beg Plastik" dan "Hari Bebas Kereta" dan seterusnya bebas asap dan sebagainya. Bebas monyet selaras dengan inisiatif ke arah Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang hijau, bersih, selamat dan sihat. Bebas monyet, tidak melalui tembakan, seimbangan.

Kerajaan negeri sangat komited dalam pembangunan mampan dan seimbang selaras dengan komitmen tersebut kerajaan negeri akan terus menjalinkan kerjasama dengan UN Habitat. Bagi mencapai hasrat yang ditetapkan di bawah *United Nation's Sustainable Development Goal* atau SDG. Secara spesifik, Kerajaan Negeri sedang memberi penumpuan khusus kepada kriteria ke-11 iaitu ke arah mewujudkan sebuah bandar raya yang selamat, berdaya saing dan mampan, *safe, resilient & sustainable city*. Kearah pengwujudan bandar raya yang berdaya saing dan bertaraf antarabangsa, Kerajaan Negeri melalui CMI telah menjalinkan kerjasama dengan *Think City* iaitu agensi Kerajaan Persekutuan dan Aga Khan Trust, sebuah pertubuhan antarabangsa dan telah mewujudkan sebuah '*special purpose vehicle*' yang dikenali sebagai *Georgetown Conservation & Development Corporation* (GTCDC). Ini berperanan untuk memastikan pelaksanaan pembangunan seimbang di kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO. Dalam Masa yang sama, tidak ketinggalan bagi kawasan Bukit Bendera, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bukit Bendera dengan kerjasama The Habitat dan USM telah mengenal pasti kawasan untuk penyenaian di bawah UNESCO dan bagi mendaftar Bukit Bendera sebagai satu lokasi di bawah UNESCO *Biosphere Reserve*. Selaras dengan hasrat memastikan pembangunan mampan, adalah penting untuk Kerajaan Negeri menandatangani satu Perjanjian Persefahaman bersama *United Nation Habitat* yang merupakan agensi antarabangsa yang bertanggungjawab untuk menguruskan pembangunan perbandaran di bawah kriteria '*Sustainable Development Goals*' dan Agenda Perbandaran Baru.

Semasa lawatan oleh Pengarah Eksekutif *United Nation Habitat*, YBhg. Dato' Seri Maimunah Binti Mohd Shariff iaitu mantan Datuk Bandar MBPP telah mengutarakan hasrat beliau untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyediakan bantuan panduan teknikal, penanda aras dan pemantauan berterusan untuk memastikan Pulau Pinang mencapai matlamat yang telah ditetapkan di bawah SDG. Kerajaan Negeri dengan sukacitanya mengumumkan bahawa MOU ini akan merangkumi pembangunan mampan, *capacity building* dan perkongsian maklumat antara UN Habitat dan agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dalam fasa pertama kolaborasi ini, Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang atau CMI akan bekerjasama dengan rakan strategik *United Nation Habitat* di Malaysia iaitu *Think City* dan menyediakan terma dan skop untuk MOU tersebut. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengaplikasikan SDG ini sebagai rangka *framework* dan penanda aras untuk mengukur kemampuan suatu projek yang dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang. Sebagai permulaan, semua projek pembangunan di bawah GTCDC akan dijadikan sebagai penanda aras selaras dengan *Sustainable Development Goals* yang ditetapkan oleh *United Nation Habitat*. Kerajaan Negeri berharap kolaborasi dengan *United Nation Habitat* akan memberi manfaat kepada Rakyat Negeri Pulau Pinang amnya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, bagi portfolio Komunikasi, penugasan utama yang dititikberatkan antaranya adalah membantu membina perhubungan dengan rakyat melalui pendekatan program atau kempen penerbitan rasmi Kerajaan Negeri iaitu Buletin Mutiara, media-media sosial rasmi dan paparan bentuk visual dalam usaha untuk menyampaikan maklumat kerajaan kepada rakyat secara menyeluruh. Serentak dengan itu, Kerajaan Negeri juga berharap dapat menjalin hubungan yang baik di antara pihak media dan pemimpin Kerajaan Negeri dalam usaha untuk menyampaikan matlamat yang berkualiti kepada umum berkaitan dasar serta program Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Dan kita

pun berharap dengan peluang yang baru, dengan sumber-sumber yang ada pada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Penerangan, RTM, Bernama dan lain-lain institusi yang rasmi, maka Kerajaan Negeri dapat menjalin kerjasama yang erat dengan Kerajaan Persekutuan dalam berkomunikasi dengan rakyat jelata dan masyarakat umum. Dan saya percaya pada Yang Berhormat-Yang Berhormat pun sudah mendapat jemputan untuk ditemu bual oleh RTM. Satu perkara yang tidak biasa berlaku sebelum ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, mungkin dalam 10 minit boleh habis. Senario pelaburan di Negeri Pulau Pinang. Di kesempatan ini, suka ingin saya maklumkan status terkini berkaitan senario pelaburan di Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2017, Negeri Pulau Pinang menjadi negeri yang mencatatkan pelaburan asing pembuatan tertinggi di Malaysia. Pelaburan asing yang diluluskan bersama berjumlah RM8.5 bilion. Pelaburan pembuatan diluluskan MIDA adalah berjumlah RM10.8 bilion, menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri dengan jumlah pelaburan pembuatan kedua tinggi di Malaysia. Pelaburan domestik kekal stabil dengan jumlah RM2.3 bilion. Industri elektrik dan elektronik kekal sebagai penyumbang pelaburan tertinggi Pulau Pinang dengan jumlah pelaburan RM6.7 bilion pada tahun 2017. Rekod bagi tahun ini, turut menunjukkan prestasi memberangsangkan. Negeri Pulau Pinang mencatatkan pelaburan sebanyak RM1.0 bilion pada suku pertama tahun ini. Pelaburan asing menyumbang sebanyak RM580 juta manakala domestik mencatatkan RM439 juta.

Negeri Pulau Pinang akan terus meningkatkan usaha promosi pelaburan baru dan pelaburan semula walaupun berdepan dengan cabaran-cabaran di peringkat global. Antara perkembangan global yang dipantau rapi kini adalah isu tarif Amerika Syarikat dengan China yang jika berterusan mungkin akan mengakibatkan kelembapan ekonomi dunia. Negeri Pulau Pinang juga akan terus meningkatkan sinergi dan kerjasama yang lebih erat antara agensi Persekutuan dan Negeri. MIDA dan agensi-agensi promosi pelaburan negeri perlu terus meningkatkan kerjasama untuk meningkatkan promosi pelaburan bagi Malaysia secara keseluruhannya. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti penyatuan polisi pelaburan, promosi pelaburan secara bersama dan perkongsian maklumat bagi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber dan mengurangkan lebihan atau pembaziran. Saya percaya ini membuka peluang yang amat bagus kepada Negeri Pulau Pinang sebab kita boleh menggunakan sumber-sumber persekutuan dalam mempromosikan Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri berhasrat untuk terus menerajui dalam semua bidang dan untuk menarik golongan muda yang berinovasi untuk menyumbang idea dan kepakaran mereka dalam pembangunan negeri ini. Kerajaan Negeri juga ingin meningkatkan lagi hubungan dengan Kerajaan Persekutuan dan menyeragamkan visi bersama untuk pembangunan masa hadapan Pulau Pinang.

Hampir seratus hari mentadbir dan menjadi Ketua Menteri yang baru, saya ucapkan terima kasih atas kepercayaan Tuan Yang Terutama Tun kerana melantik saya sebagai Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang yang kelima (Ahli Dewan bertepuk meja), atas syor dan kepercayaan daripada Pakatan Harapan dan saya akan menunaikan kewajipan dan tanggungjawab ini walaupun cabaran adalah besar tetapi saya percaya dengan sokongan rakyat Negeri Pulau Pinang dan sokongan Jentera Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan juga sokongan Ahli-ahli Dewan, saya percaya cabaran ini dapat kita atasi dan memastikan Negeri Pulau Pinang terus maju.

Di kesempatan hampir seratus hari selepas lantikan sebagai Ketua Menteri saya telah memikirkan apa yg perlu buat dalam lima (5) tahun ini, walaupun ada had dua (2) penggal 10 tahun mungkin kita lihat macam mana kita mewujudkan satu harapan dan impian untuk Pulau Pinang dan pemikiran awal saya adalah lebih kurang impian Pulau Pinang pada tahun 2030. "*A Family Focused green and Smart State That Inspire the Nation*" (Ahli Dewan menepuk meja). Ini berbunyi bagus-bagus la tapi nak melaksanakan kita perlu berusaha. Pelan tindakan ini adalah bertujuan untuk membawa Pulau Pinang ke tahap pertumbuhan yang seterusnya, dari segi budaya dan ekonomi. Sepanjang sedekad yang lalu...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng)**

Saya tertarik dengan impian Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, *A Family Focused* ini. Saya ingin Yang Amat Berhormat boleh terangkan lebih sedikit, apakah itu *A Family Focused*? Terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lain kali bincang dalam EXCO.

#### **YAB. Ketua Menteri:**

Semestinya *gender* berketerampilan *gender*. *Family* mengandungi dari bayi yang belum lahir ke warga emas yang sudah menyumbang tenaga sepanjang hayat itu maksud *family*. Dan kita fokus kepada rakyat yang seawal dari bayi yang kepada warga emas. So, merangkumi semua lah. Sepanjang sedekad Pakatan Harapan menjadi kerajaan memang telah banyak perancangan, strategi dan *blueprint* bagi tujuan penambahbaikan untuk Negeri Pulau Pinang. Terdapat keperluan untuk meneruskan bidang pelaburan

bagi meningkatkan kualiti pembangunan bandar, memelihara persekitaran, menarik bakat-bakat baru dan meningkatkan bidang pengetahuan dan industri kreatif.

Kerajaan Negeri percaya bidang pelaburan seharusnya tidak boleh berjalan sendirian tetapi perlu mengambil kira perkembangan global semasa, ekonomi serantau dan juga sistem pembangunan negara. Selain itu, terdapat juga pelbagai penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti hidup di Negeri Pulau Pinang. Tidak dapat dinafikan sektor pembuatan dan pelaburan menjadi antara yang paling tinggi di negara ini. Sektor pelancongan juga telah meningkat dengan ketara. Manakala sektor hartanah terus kekal utuh. Namun Pulau Pinang sama seperti negeri-negeri lain, masih belum dapat keluar daripada perangkap pendapatan kelas menengah atau *the middle-income trap*. Walaupun kita dapat mencegah aliran pelaburan kepada pesaing serantau tetapi kadar pertumbuhan pendapatan kita masih perlahan. Manakala peluang pekerjaan dan perkembangan ekonomi masih boleh dibangunkan. Kadar pertumbuhan pekerjaan dan populasi yang masih di tahap sederhana, dan adanya halangan dalam bidang pelaburan serta pendapatan yang rendah inilah yang menjadi penghalang untuk bakat-bakat baru menyumbang khidmat mereka di negeri ini.

Dengan pembentukan Kerajaan Persekutuan yang baru ini, perubahan di Negeri Pulau Pinang dan perkembangan projek, inilah masanya untuk kita *synthesize* dokumen-dokumen terdahulu, menjalinkan kerjasama dengan kepakaran baru dan mengenal pasti keutamaan dan seterusnya melaksanakan projek-projek untuk membolehkan Pulau Pinang mencapai dan membentuk syarat-syarat untuk kepelbagaian ekonomi, pembabitan sosial dan persekitaran yang berdaya tahan. Negeri Pulau Pinang akan terus berkembang dan membina reputasinya sebagai pusat kecemerlangan untuk menarik bakat-bakat terbaik, di mana revolusi digital selaras dengan *Industrial Revolution 4.0*, pelaburan dalam bidang baharu meningkat dan merealisasikan impian untuk keluarga hidup di dalam persekitaran yang bersih dan hijau, selamat serta memiliki peluang pendidikan dan pekerjaan.

Ini pemikiran awalan saya juga akan ada empat (4) teras utama bagi mencapai visi yang saya nyatakan tadi iaitu teras utama pertama, *increase liveability to enhance quality of life* atau meningkatkan daya huni untuk meningkatkan kualiti kehidupan. Kedua, *upgrade the economy to raise household income* atau menaik taraf ekonomi dengan meningkatkan pendapatan isi rumah. Ketiga, *empower people to strengthen civic participation* atau memperkasakan rakyat untuk meningkatkan penyertaan masyarakat. Dan keempat, *invest in the built environment to improve resilience* atau melabur dalam persekitaran infrastruktur dan kemudahan awam untuk meningkatkan daya tahan dalam pelbagai keadaan. Inisiatif strategik ini akan dilaksanakan berdasarkan kepada empat (4) pendekatan tersebut dan diharapkan jentera Kerajaan Negeri yang terlibat secara langsung dapat menjadikan visi ini satu realiti.

Saya akan menjemput dan memerlukan dan mengharapakan barisan EXCO, barisan ADUN dan *stakeholder-stakeholder* bersama-sama dalam usaha ini untuk menghalusi *strategic initiative* untuk menyokong dan mencapai visi ini dan menggariskan projek-projek atau program-program untuk memastikan kita melaksanakannya demi mencapai visi yang ditetapkan bagi Negeri Pulau Pinang sehingga 2030. Marilah kita menggembeng tenaga demi negeri tercinta ini dan terus berasa bangga sebagai anak Pulau Pinang, di mana kita berada. Sebelum saya mengakhiri ucapan pergulungan ini, saya ingin mengambil kesempatan...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Yang Amat Berhormat, mohon laluan. Dua (2) perkara yg ditimbulkan oleh para ADUN. Satu untuk Dewan Undangan Negeri baru di Seberang Perai dan lagi satu rakan saya dari Permatang Pasir tentang peruntukan P16. Ada apa-apa jawapan? Respon daripada Yang Amat Berhormat. Terima kasih.

#### **YAB. Ketua Menteri:**

Ketua Menteri cakap visi, ADUN cakap reality (Ahli Dewan menepuk meja). Kita perlu merapatkan dua dari visi dengan realiti. Kita akan bincang dengan dalam mesyuarat EXCO nanti. Saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia ke-61 dan Selamat Menyambut Hari Raya Korban kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat dan warga Dewan serta Penjawat Awam di Negeri Pulau Pinang yang beragama Islam. Sayangilah Malaysiaku, Malaysia Baharu, Pulau Pinang maju. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Amat Berhormat Padang Kota. Maka dengan itu tamatlah sesi pergulungan. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul "Bahawa kami Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana perkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-14 pada 3 Ogos 2018 dipersetujui". Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya".

**Ahli-ahli Dewan:**

“Ya”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bersetuju katakan “Tidak”. Sebulat suara usul dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan kita bersidang semula pada jam 3.00 petang nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.***

***Dewan disambung semula pada jam 3.00 petang***

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula.

**Setiausaha Dewan:**

Rang Undang-Undang Industri Berasas Kayu (Pindaan 2018).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya memohon mencadang supaya Rang Undang-undang bernama “Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986” dibaca bagi kali yang pertama.

**Setiausaha Dewan:**

Rang Undang-Undang bernama “Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang telah dibaca bagi kali yang pertama.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, mengikut Peraturan 59 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini dan diteruskan dengan serta-merta.

**Setiausaha Dewan:**

Rang Undang-Undang Industri Berasaskan Kayu (Pindaan 2018) bacaan kali yang kedua.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama “Suatu enakmen untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986” dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri, sektor industri berasas kayu merupakan salah satu sektor yang turut menyumbang dalam memacu sosial ekonomi negeri ini melalui hasil kutipan *fees* dan menyediakan peluang kerja kepada penduduk-penduduk di negeri ini. Di negeri ini terdapat 97 buah kilang industri berasas kayu atau IBK telah dilesenkan di bawah Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 dan sebanyak 185 buah kilang IBK lagi sedang menjalani program pemutihan. Penguatkuasaan dan pengawasan sektor industri berasas kayu ini adalah di bawah peruntukan Undang-Undang Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 Negeri Pulau Pinang.

Sejak tahun 1986 sehingga ke hari ini enakmen ini belum pernah dipinda. Justeru, Majlis Perhutan Negara Kali ke-22 yang telah diadakan pada 24 November 2009 telah bersetuju melaksanakan cadangan pindaan Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 ini. Seterusnya, Rang Undang-Undang Industri Berasaskan Kayu (Pindaan 2018) telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil.19/2018 bertarikh 13 Jun 2018. Majlis juga telah bersetuju untuk membenteng Rang Undang-Undang ini dalam Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri ke-14 kali ini. Rang Undang-Undang yang dibenteng dalam Dewan Undangan Negeri yang mulia ini bertujuan untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 iaitu merupakan satu enakmen ibu dan dinamakan Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 (Pindaan 2018). Pindaan kepada Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 ini adalah bertujuan untuk

menangani isu-isu berbangkit seperti kewujudan kilang industri berasas kayu beroperasi secara haram. Hukuman yang dikenakan di bawah peruntukan enakmen ini adalah terlalu rendah dan enakmen ini tidak memperuntukkan untuk mengkompaun bagi kesalahan-kesalahan kecil. Cadangan pindaan Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 meliputi perkara-perkara seperti berikut:-

1. Memperuntukkan penalti dan hukuman yang lebih berat berbanding dengan penalti dan hukuman yang sedia ada.
2. Memperluaskan pembayaran deposit dan tambahan deposit bagi lesen IBK dan;
3. Mewujudkan peruntukan baru bernilai kompaun bagi kesalahan-kesalahan kecil.

Oleh itu pindaan Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 ini akan mengemaskan aspek perundangan dan kawal selia industri berasas kayu sejajar dengan keperluan semasa bagi menetapkan lagi aktiviti penguatkuasaan industri berasas kayu di negeri ini.

Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-14 adalah dipohon untuk menimbang meneruskan Rang Undang-undang Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 (Pindaan 2018) dan dikuatkuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam warta. Sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi perbahasan yang bersabit dengan Rang Undang-Undang Enakmen Industri Berasaskan Kayu (Pindaan 2018).

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesiapa yang ingin mengambil bahagian, dipersilakan.

Dipersila Ahli Kawasan Bukit Tengah.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Dengan izin Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-Undang ini untuk meminda Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1986. Pada asasnya, kalau kita melihat Akta Ibu, Enakmen Industri Berasaskan Kayu ini tujuannya adalah untuk mengawal-selia industri kayu dan industri kayu ini ia adalah satu industri yang besar yang merangkumi banyak industri dan di Pulau Pinang saya rasa khususnya ada banyak syarikat-syarikat pembuat perabot kayu yang terlibat seperti mana yang telah pun dirujuk oleh Yang Berhormat Sungai Puyu tadi.

Dalam Rang Undang-Undang dalam Enakmen Ibu, tujuan enakmen tersebut adalah terkandung dalam sebagai satu enakmen untuk membuat peruntukan berkenaan dengan penubuhan dan pengendalian industri-industri berasas kayu dan bagi apa-apa perkara yang bersampingan dan berbangkit berhubung dengannya. Jadi seperti yang dimaklumkan bahawa akta ini sejak sudah satu masa yang lama tidak dibuat pindaan dan saya difahami bahawa tujuan hari ini pindaan yang dicadangkan adalah untuk tiga (3) perkara iaitu pertamanya, untuk menangani isu-isu berkenaan dengan kewujudan kilang industri berasas kayu yang beroperasi secara haram yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dan hukuman yang dikenakan buat sekarang adalah terlalu rendah, RM5,000.00 dan akan ditingkatkan kepada RM20,000.00 dan juga untuk memasukkan satu peruntukan untuk mengkompaun bagi kesalahan-kesalahan kecil. Ini merupakan satu peruntukan yang baru yang tidak ada langsung dalam enakmen asal yang saya bersetuju dan dengan cadangan ini sebab ia akan memberi banyak lagi kuasa kepada Kerajaan Negeri. Kalau kita membaca peranan yang telah pun dicadangkan iaitu Seksyen 28(a) di mana dinyatakan di sini bahawa "Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah bagi menetapkan kesalahan di bawah enakmen ini yang boleh dikompaun". Jadi saya rasa ini akan membolehkan Kerajaan Negeri mengambil tindakan bukan sahaja setakat daripada Jabatan Perhutanan tetapi Kerajaan Negeri sendiri boleh mengambil sendiri tindakan yang secara langsung untuk menghadapi masalah-masalah yang dihadapi dalam *enforcement*, penguatkuasaan dan saya rasa ini juga akan membantu usaha kerajaan untuk menjadikan negeri kita satu negeri yang hijau, *green* dan yang akan menjaga, berprihatin dan menjaga alam sekitar negeri kita.

Pada masa yang sama Dato' Speaker, kita harus mengambil perhatian bahawa perindustrian perabot khususnya kayu ini adalah satu industri yang cukup besar sekali untuk Pulau Pinang dan Malaysia secara keseluruhannya. Malaysia merupakan di antara 10 negara pengeksport yang terbesar *when it comes to wood based furniture, in the world* dan saya percaya di Malaysia ini ada tiga (3) tempat bermula

daripada Muar dan sekarang bertumpu lepas itu kepada Sungai Buloh dan Pulau Pinang. Pulau Pinang sekarang ini kalau tak silap saya menyumbang hampir 20% daripada pengeluaran eksport seluruh negara kita dan ini adalah industri yang besar di mana saya difahami bahawa eksport sahaja untuk industri perabot Malaysia ini sudah mencecah RM10 billion setiap tahun. Jadi ini adalah satu industri yang saya rasa kita harus memberi lebih banyak perhatian. Di kawasan saya sendiri, saya percaya ada banyak kilang-kilang perabot yang berasas kayu yang mana saya rasa bahawa kerajaan, saya harap boleh mendapat penjelasan sebentar lagi bagaimana kerajaan boleh membantu untuk mengusahakan, membangkitkan, memajukan industri ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Minta penjelasan sikit Ahli Kawasan Bukit Tengah. Saya merujuk kembali kepada Enakmen Ibu ini yang telah diwartakan pada Februari 1987, masa itu saya belum dilahirkan lagi. Jadi sememangnya pindaan kepada Rang Undang-Undang ini sememangnya amat diperlukanlah. Jadi persoalan saya adalah sepertimana tadi Yang Berhormat Bukit Tengah mengatakan ini merupakan salah satu inisiatif yang menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri ini sebenar-benarnya prihatin khususnya kepada isu alam sekitar khususnya di negeri kita dan kita juga dihadapi oleh individu-individu berkepentingan sepertimana yang pernah saya bangkitkan di dalam perbahasan saya yang kononnya menganggap bahawasanya Kerajaan Negeri ini langsung tidak prihatin tentang isu alam sekitar khususnya. Jadi saya ingin dapatkan pendapat Yang Berhormat Bukit Tengah sama ada pandangan daripada individu-individu berkepentingan ini benar ke tidak? Jadi saya minta penjelasan sikit.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Sebagai seorang peguam, susah untuk saya menjawab tanpa fakta. Jadi, apabila kita menyebut individu-individu ini tanpa menyebut memberi contoh *specific* susah untuk saya komen tapi apa yang saya nak katakan adalah saya amat bersetuju bahawa kalau kita lihat daripada dasar yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri kita, memang Kerajaan Negeri kita sekarang ini mengutamakan *green policy* untuk memelihara alam sekitar dan *to make Penang a truly green state in Malaysia*, so saya menyokong usaha kerajaan dalam perkara ini.

Tadi saya sedang menyebut tentang industri kayu ini. Dalam *National Timber Industry Policy* daripada yang dijangka jangkaan 2009 sehingga 2020, *I just* nak kongsi fakta-fakta ini. *The expected annual export for timber and timber products* akan sampai RM53 bilion. Yang Berhormat-Yang Berhormat dan seperti yang saya katakan tadi, Pulau Pinang mempunyai penyumbang yang diantara yang terbesar dan di antara tiga (3) kawasan ini dan *for wood furniture alone the last but here it says last 2017 the export worth net networth export was about RM23 billion*, Dato' Speaker ataupun 34% sumbang daripada *furniture business, furniture export of wood industry*.

Tetapi pada masa yang sama industri ini mengalami pelbagai masalah buat sekarang ini saya difahamkan pembuat-pembuat perabot ini masih lagi menghadapi masalah kekurangan *raw material* walaupun ini, ya memang satu perkara *raw material* ini adalah isu di bawah jagaan Kerajaan Persekutuan namun inilah diantaranya masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. *Raw material, skilled workers* dan dan dan sekarang ini banyak daripada pelaburan luar negara seperti Taiwan yang dulu melabur banyak di Malaysia dalam *wood base industry* ini yang dulunya memang belajar daripada kita sekarang sudah jauh ke depan *in terms of their technology and production*. Dari segi dari segi pengeluaran perabot ini, Malaysia *is still OEM (Original Engineering Manufacturer)* yang kita nak yang kita adalah supaya industri ini dipertingkatkan *to produce high volume products or ODN* di mana kita negara kita negeri kita syarikat-syarikat yang *based* di Penang akan mengeluarkan *high volume end up products designed by Penangites, designed by Malaysian*. Itu yang kita nak lihat. So kita ada masalah-masalah tertentu dan saya mungkin boleh cadangkan di sini supaya satu *task force* boleh ditubuhkan. Saya rasa bahawa sepatutnya perlu ada lebih banyak *private, public sector collaboration*. Mungkin satu *task force* boleh ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melihat bagaimana Negeri Pulau Pinang boleh membantu pengusaha-pengusaha khususnya daripada industri kayu perabot. Ada persatuan-persatuan perabot di Pulau Pinang dan juga banyak lagi persatuan yang kita boleh menghubungi sebab memang sekarang ini juga saya difahamkan syarikat-syarikat seperti yang saya nak katakan tadi terdiri daripada Taiwan yang dulu mereka melabur di sini telahpun mengambil pelaburan mereka keluar daripada negara kita dan sekarang ini melabur pulak di negeri Negara Vietnam. *So* sekarang Vietnam *is overtaken us in some ways because they have cheaper labor there and more raw materials*.

So dengan itu saya tidak mahu panjang langkahkan panjangkan perbahasan saya cuma ini adalah satu cadangan yang saya nak utarakan dan secara asasnya saya bersetuju dan menyokong menyokong Rang Undang-Undang yang dibentangkan hari ini. Terima kasih.



## Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Bukit Tengah. Bagan Dalam, dipersilakan.

## Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satess A/L Muniandy):

Terima kasih Yang Di-Pertua telah memberikan saya peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang yang untuk meminda Enakmen asal iaitu Enakmen Industri Berasaskan Kayu. Seperti yang rakan saya dari Bukit Tengah telah menyatakan industri berasaskan kayu adalah satu industri yang berkembang dengan begitu pesat sekali di mana di Pulau Pinang sendiri mengikut daripada EXCO apa yang diberitahu oleh EXCO, 97 kilang berlesen sedang beroperasi dan 185 kilang dalam pemutihan. Mereka tidak ada lesen dan sedang dalam proses pemutihan. Salah satu sebab saya nampak kenapa begitu banyak syarikat yang tidak berlesen beroperasi adalah kelemahan enakmen itu sendiri yang saya boleh katakan sudah kira lapuk kerana 32 tahun tidak dipinda langsung. Yang ini, enakmen ini dibuat sebelum rakan saya dari Pengkalan Kota lahir. Yang ini bagi saya dia dibuat setahun selepas saya lahir tetapi saya belum lapuklah. Enakmen lapuk.

Tuan Yang Di-Pertua, pada tahun 2017 *export furniture* ataupun *furniture*, Malaysia adalah melebihi 10 bilion dan ini adalah belum mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah *National Timber Industry Policy* 2009 to 2020. Yang itu menetapkan sasaran dalam 16 bilion. So kita nampak industri ini akan berpesat kembang lagi di Malaysia malah di Pulau Pinang cukup cerah kerana saya nampak banyak pembuat-pembuat *furniture* dari Pulau Pinang sedang menembusi pasaran di Amerika Syarikat. Amerika Syarikat adalah pengimport terbesar *furniture* kita mengikut statistik-statistik yang diberikan oleh MATRADE.

Tuan Yang Di-Pertua, dengan Enakmen ibu ini ataupun Enakmen asalnya kita tidak dapat mengawal industri ini di Pulau Pinang kerana dia mampak terlalu lemah apabila berhadapan dengan mereka yang beroperasi tanpa lesen dan mereka yang juga melakukan kesalahan. Dan dengan adanya Enakmen baru ini yang keseluruhannya adalah satu *version* untuk mengemaskini seperti kita mengemaskini aplikasi kita dalam *handphone*. Saya nak nampak enakmen sebagai satu pengemaskinian sahaja kerana apa yang saya nampak semua kesalahan dia punya hukumannya ditambah, salah satunya adalah 20 Pindaan Seksyen 20(3) di mana dalam enakmen asal, "Mana-mana orang yang dengan sengaja melengghakan, mengendalakan atau menghalang seorang pegawai hutan dalam menjalankan mana-mana kuasa di bawah seksyen ini hanya boleh didenda yang tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara satu (1) tahun atau kedua-dua penjaranya sekali". So sangat lemah. So kalau dia ingin bayar RM2,000.00 dia boleh halang seorang pegawai perhutanan daripada menjalankan tugasnya selepas itu dia boleh pergi ke mahkamah. Denda maksimum hanya RM2,000.00 dan dia boleh teruskan aktiviti dia tetapi mengikut Enakmen yang kita buat hari ini berlaku keadaan seperti itu seseorang pesalah itu harus membayar denda maksimum iaitu RM20,000.00 iaitu sepuluh kali ganda dan penjara dua tahun lebih tegas Enakmen ini Seksyen ini 20 dengan penambahbaikan ini.

Saya rasa ini diperlukan pada masa kini dan satu lagi pindaan adalah 28(A), "Memberikan kuasa kompaun kepada Pengarah dalam kesalahan-kesalahan terdapat dalam Enakmen ini". Dan apabila ini ini tidak diberikan memberikan *absolute power* ataupun kuasa yang tidak ada hadnya kepada Pegarah selepas dapat penerangan daripada Pegawai Undang-Undang Negeri. Kita faham bahawa ini adalah, Penasihat Undang-Undang *said* ia adalah satu ada kaedahnya iaitu perlu mendapatkan keizinan daripada Pendakwaraya dulu. So memang sesuai dan apabila kesalahan-kesalahan ini dia mereka yang membuat salah dia tidak perlu menunggu satu masa yang lama untuk dia dihadapkan ke mahkamah dan membayar denda dan meneruskan perniagaannya ataupun mendapatkan lesennya. Kalau dia didenda dia boleh bayar kompaun tidak melebihi 50% dari denda asal dan satu sahaja seruan saya kepada jabatan iaitu enakmen yang kita buat ataupun yang kita pinda hari ini akan menjadikan dia sebagai satu enakmen yang dikemaskini ataupun *updated enactment*. Saya harap pelaksanaan juga selaras dengan enakmen ini perlu efektif. Jangan pula tidak efektif macam dulu. Saya harap kalau mereka yang membuat salah itu perlu dibawa, didenda, mereka perlu didenda jangan memberikan mereka ruang dan *you know* tidak mengambil tindakan dan ketatkan enakmen tidak memberikan ruang. Alasan-alasan sebegitu tidak patut wujud lagi dan saya harap dengan ini dengan adanya enakmen ini, jabatan akan lebih beroperasi lebih efektif dan mengurangkan kesalahan-kesalahan dalam industri berasaskan kayu ini dan saya berharap dengan adanya Enakmen ini industri berasaskan kayu di Pulau Pinang ini akan berkembang dengan lebih pesat dan memberikan impak positif kepada pertumbuhan negeri dan juga ekonomi negeri. Dengan itu saya menyokong.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Bagan Dalam. Ahli-ahli Yang Berhormat sesiapa lagi saya menjemput. Silakan Bertam.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):**

Terima kasih kerana diberikan peluang untuk berbahas sedikit sahaja. Tuan Speaker saya saya cuma nak bercakap mengenai seksyen baru 28(A) dan rakan saya yang terhormat Bagan Dalam telah menyentuh sedikit 28(A) ini. Pada pendapat saya, seksyen 28(A) ni amat bagus dari beberapa segi. Terutama sekali dengan adanya seksyen yang boleh di mana kita ada peruntukan untuk kompaun untuk mengkompaukan kesalahan. Salah satunya kes dapat diselesaikan dengan cepat dan mudah berbanding daripada proses perundangan di mahkamah, Tuan Speaker dan kita tengok Tuan Speaker, sekiranya kes dibawa untuk pertuduhan di mahkamah, kes akan mengambil masa yang lama dan juga akan menelan belanja dari segi mula-mula sekali dari segi pertuduhan apabila kes dibawa ke mahkamah. Selepas pertuduhan akan *dipostpone* untuk lantikan peguam. Selepas itu *dipostpone* lagi untuk serahan dokumen dan selepas itu *dipostpone* lagi untuk pengurusan kes dan kadang-kadang pengurusan kes boleh ambil masa beberapa bulan dan apabila kes dibicarakan pula bergantung kepada beberapa orang saksi yang terlibat dan sekiranya saksi ramai kes pun akan ambil masa yang lama. So, apabila kes dipertuduhkan di mahkamah dengan masa yang panjang yang akan melibatkan kos pada pihak pendakwaan, dan apabila terdapatnya klausa di mana kesalahan boleh dikompaukan saya percaya wang kompaun akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri. Dan sekiranya denda di mahkamah, wang akan pergi ke Kerajaan Persekutuan. So saya menyokong pindaan enakmen ini. Terima kasih.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Bertam.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Mohon laluan.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Permatang Pasir.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Terima kasih Dato' Yang Di-Pertua. Saya menyokong penuh pindaan enakmen ini kerana enakmen ini penting untuk mengawal aktiviti perkilangan berasaskan kayu dan merupakan salah satu daripada industri yang semakin maju dalam ekonomi kita hari ini. Cuma saya juga ada beberapa satu perkara yang jadi *concern* saya seperti manalah diujulkan dibahaskan oleh sahabat saya dari Bertam mengenai Seksyen 28(A) iaitu SubSeksyen 3. Izinkan saya baca Dato' Yang Di-Pertua. "*An offend an offer under subsection 2 may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been executed*". *Concern* saya Dato Yang Di-Pertua, adalah kadang kita dalam menyeneraikan kes dalam prosiding dalam kes itu ada fakta-fakta baru yang timbul yang membolehkan kedua-dua pihak antara pendakwaan yang juga pihak pembelaan berbincang dan akhirnya mencapai satu persetujuan untuk kes itu dikompaukan. Maksud *win-win situation* tapi hukumannya dikompaukan kerana kompaun ini kita faham ia satu kesalahan yang lebih ringan daripada pertuduhan asal yang lebih berat.

Jadi apabila Subseksyen ini membenarkan perkataan iaitu *before procecuton has been executed*. Adakah ketika mana prosiding sedang berjalan *prosecution* telah dibuat *the charges have been made against the offender*, adakah dengan izin Yang Di-Pertua, adakah kompaun ini boleh dilaksanakan dalam keadaan di mana ada sedikit *prohibition* dalam Enakmen ini yang menyatakan bahawa *the compound can only be offered before the prosecution before it has been executed*.

Perkara ini penting Yang Di-Pertua kerana kita dalam agenda Utama Pakatan Harapan untuk merimformkan apa saja institusi dan kita membawa agenda keadilan di dalam reform ini iaitu satu sistem atau prinsip dalam aliran itu mesti, bukan sahaja berlaku malah dilihat dilakukan. *Justice is not only to be done but must seen to be done*. So dalam keadaan di mana *prosecution* ini wujud Dato' Yang di-Pertua, saya bimbang kalau ada tohmahan-tohmahan yang mungkin timbul kerana dalam keadaan di mana tengah-tengah prosiding berlakunya tawaran kompaun dan takut ada tohmahan di mana-mana ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Satees A/L Muniandy):**

Permatang Pasir, boleh saya mencelah sikit saja.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Saya habiskan dahulu sekejap, bagi *you* faham. Saya bimbang bukan apa, takut ada tohmahan daripada pihak luar yang mengatakan kenapa syarikat itu diberi kompaun ditengah-tengah kes sedangkan *the clear prosecution in that enactment that is not compaun after the prosecution have been made*. Apa yang saya hendak katakan bahawa dalam kita nak reform dalam pentadbiran kita, dalam keadaan ini *is not about justice but what a relevant is not only to be done but must seen to be done*.

Terima kasih, saya bagi laluan kepada Bagan Dalam. Sudah faham? Bagi saya cakap, saya terang habis, *you* boleh faham punya. Jadi saya pohon untuk mesyuarat mempertimbangkan *concern* saya ini, dengan itu saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Boleh mencelah, *I think* atas isu yang sama, setelah membaca *Subsection 3* ini, mungkin kita perlu penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai sama ada *compaun can be affort* selepas pendakwarayaan telah pun dibawa. Tetapi untuk saya, saya rasa mungkin perkara ini dimasukkan sebab tawaran awal diberikan kepada pesalah untuk membayar kompaun, saya tidak tahu mungkin kerajaan boleh menjelaskan. Ini adalah satu peluang yang diberikan, peluang awal yang diberikan kepada pesalah. Namum sekiranya pesalah itu tidak membayar kompaun maka kerajaan tidak akan memberi *confesion* ataupun *mercy* dan akan seterusnya akan mengambil tindakan untuk *prosecution*. Mungkin *I* tidak tahu.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Untuk penjelasan sedikit daripada *concern* rakan saya. Apa yang saya maksudkan adalah kadang-kadang, *sometime in criminal case*, ada faktor-faktor baru yang timbul ataupun bukti yang tidak dapat dibuktikan secara *prima facie*, pihak-pihak berbincang untuk tidak, kes itu tidak digugurkan atau mahkamah, kita bincang, kita *win-win situation*, kita kompaun. Itu biasa berlaku. Semakan saya dengan akta-akta lain macam contohnya *Imigresen act, transport act* tidak ada spesifik *prosecution* tidak silap saya, kalau salah minta maaf yang kompaun itu mesti berlaku. Itu saya *concern* saya. Bukannya apa, untuk mengelakkan tohmohan itu sahaja. Walaupun kompaun itu tetap budi bicara *prosecution can be make any stage* tapi berdasarkan Artikel 1.5 Perlembagaan Persekutuan, bahawa kuasa untuk mendakwa, tarik balik dan sebagainya kuasa Peguam Negara. Cuma *concern*nya terhadap tohmahan pihak luar. Terima kasih.

**Setiausaha Dewan:**

Enakmen Industri Berasaskan Kayu (Pindaan) 2018. Maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, Permatang Pasir. Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah satu pindaan enakmen yang merujuk kepada Enakmen Industri Berasaskan Kayu. Ahli-ahli Yang Berhormat kalau ada yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan, saya persilakan. Kalau tidak ada, supaya Ahli Yang Berhormat Sungai Puyu untuk buat penggulangan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Iya, terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Tengah, daripada Ahli Permatang Pasir termasuk daripada Ahli Bertam dan juga Bagan Dalam. Saya ucapkan terima kasih. Di sini, soalan yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat Permatang Pasir adakah kes ini boleh dikompaun setelah mereka pergi mahkamah? Jawapannya tidak boleh, tidak boleh dikompaun. Kes akan diteruskan. Daripada Bukit Tengah, Bukit Tengah ada mengatakan dan juga Bagan Dalam mengatakan bahawa sasaran 2020, jumlah berapa bilion? Memang jikanya pada masa kini di mana tiada *control*. Iaitu pasaran di Amerika, pasaran di Europe, jikanya keluaran satu kilang yang tidak berlesen di mana semua kayunya tidak dapat dikenalpasti. Mereka tidak akan beli. So oleh demikian, amat penting bahawanya kehendaknya semua dilesenkan.

Oleh demikian, satu mesyuarat iaitu keputusan dasar program pemutihan kilang industri berasaskan kayu tanpa lesen daripada peringkat Persekutuan Majlis Tanah Negara Bil. P4/71/2015 bertarikh 14 Disember 2015 telah beri kelulusan bahawa semua yang tidak berlesen akan diberi lesen sementara. Untuk peringkat Negeri sejumlah 177 kilang IBK telah melalui MMK Bil. 31/2016 bertarikh 21 September 2016 dan disahkan pada 28 September 2016. Lagi pun lapan (8) buah kilang IWK MMK 47/2017 bertarikh 28 Disember 2017 dan disahkan pada 3 Januari 2018. Kami telah bagi kelulusan mengikut arahan daripada Kerajaan Pusat. Tetapi di sini tidak ada saluran untuk buat kompaun dan lain-lain. Semua dihadap

ke mahkamah. Saya bersetujui dengan Ahli Bertam bahawanya kos-kos untuk dakwaan akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan denda akan disalur ke Kerajaan Pusat.

Ini bukan kira macam kos dan lain-lain tetapi untuk bagi kuasa Pengarah, untuk ada kuasa bagi kompaun. Setiap kesalahan akan dirujuk kepada DPP. Selepas itu keputusan, depa boleh kompaun atau hendak pi mahkamah kerana memang ada beberapa lapisan Mahkamah Rendah, Tinggi, Majestret, Mahkamah Tinggi itu akan tetapkan ini. Oleh demikian, memang kalau selepas pindaan ini semua akan selaras dan susun atur. Oleh demikian, saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak bagi sokongan. Ini amat penting untuk industri kayu.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

*Yang Berhormat, just a quick one, short one.* Bolehkah Yang Berhormat EXCO mempertimbangkan cadangan saya supaya satu *task force* boleh ditubuh untuk *colabration*, kerjasama di antara pihak-pihak dalam industri *wood base furniture* dengan Kerajaan Negeri untuk melihat *point engagement* bagaimana hendak memajukan industri sebab industri ini memang penyumbang kepada ekonomi negara kita dan juga Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ini satu cadangan baik tetapi saya nak maklum bahawa satu task force telah ada. Iaitu kata satu *task force* ini beberapa tahun dahulu selepas beberapa perbincangan penguasa-penguasa kilang industri berasaskan kayu. Mereka telah mohon bahawa memperluaskan tapak industri mereka iaitu di Sungai Baong....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

**B. A. O. N. G.**

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Telah diperluaskan. Memang kerajaan ini adalah satu kerajaan yang amat prihatin dan juga menggalakkan perindustrian. Kami harap bahawa dengan sumbang Negeri Pulau Pinang kami mencapai sasaran oleh Kerajaan Pusat.

Sekian, dengan ini saya mengucapkan terima kasih. Saya merayu bahawa Rang Undang-Undang ini diluluskan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-Undang Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2018 dibacakan bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya".

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya"

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Sebulat suara dipersetujui. (Ahli Dewan menepuk meja)

**Setiausaha Dewan:**

Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986".

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang kedua. Rang Undang-Undang ini sekarang akan dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa.

**Setiausaha Dewan:**

Fasal 1 hingga 13.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Fasal 1 hingga 13, adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya".

**Setiausaha Dewan:**

Rang Undang-Undang bernama “Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tajuk penuh dan fasal yang mengundang adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

**Ahli-ahli Dewan:**

“Ya”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dewan bersidang semula.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Enakmen Industri Kayu (Pindaan) 2018 telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakana “Ya”.

**Ahli-ahli Dewan:**

“Ya”.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang tidak bersetuju katakana “Tidak”. Sebulat suara, dipersetujui. (Ahli Dewan menepuk meja)

**Setiausaha Dewan:**

Enakmen Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2018. Maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan. (Ahli Dewan menepuk meja)

**Setiausaha Dewan:**

Usul oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

**YAB. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-Ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan untuk Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas iaitu :

1. Yang Berhormat Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya ialah:-
2. Yang Berhormat Lee Chun Kit
3. Yang Berhormat Syerleena Binti Abdul Rashid
4. Yang Berhormat Satees A/L Muniandy
5. Yang Berhormat Lee Khai Loon
6. Yang Berhormat Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin
7. Yang Berhormat Gooi Hsiao-Leung
8. Yang Berhormat Muhammad Faiz Bin Fadzil
9. Yang Berhormat Haji Zolkify Bin Md Lazim; dan
10. Yang Berhormat Mohd. Yusni Bin Mat Piah

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk memeriksa sebarang kira-kira dan laporan Juruaudit Negara yang telah dibentangkan kepada Dewan atau lain-lain perkara yang dirujuk oleh Dewan kepada Jawatankuasa ini. Jawatankuasa diberi kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya atau mendapat dokumen atau risalah-risalah. Jawatankuasa harus melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Padang Kota, usul ini ada sokongan?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Seberang Jaya mohon menyokong.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Seberang Jaya, Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan untuk Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas. Yang Berhormat Muhamad Yusoff bin Mohd Noor adalah Ketua Pembangkang sebagai Pengerusi dan Ahli-ahli adalah seperti berikut:-

1. Yang Berhormat Lee Chun Kit
2. Yang Berhormat Syerleena Binti Abdul Rashid
3. Yang Berhormat Satees A/L Muniandy
4. Yang Berhormat Lee Khai Loon
5. Yang Berhormat Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin
6. Yang Berhormat Gooi Hsiao-Leung
7. Yang Berhormat Muhammad Faiz Bin Fadzil
8. Yang Berhormat Haji Zolkify Bin Md Lazim
9. Yang Berhormat Mohd. Yusni Bin Mat Piah

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk memeriksa sebarang kira-kira dan laporan Juruaudit Negara yang telah dibentangkan kepada Dewan atau lain-lain perkara yang dirujuk oleh Dewan kepada Jawatankuasa ini. Jawatankuasa diberi kuasa untuk memanggil orang hadir di hadapannya atau mendapatkan dokumen atau risalah-risalah. Jawatankuasa hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa. Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'Ya'

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya".

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang tidak bersetuju katakan 'Tidak', usul dipersetujui.

**Setiausaha Dewan:**

Usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas. Keahliannya adalah seperti berikut:-

1. Pengerusi, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahlinya :-
2. Yang Berhormat Lim Siew Khim
3. Yang Berhormat Heng Lee Lee
4. Yang Berhormat Gooi Zi Sen
5. Yang Berhormat H'ng Mooi Lye
6. Yang Berhormat Lee Khai Loon

7. Yang Berhormat Kumaresan A/L Aramugam
8. Yang Berhormat Muhammad Faiz Bin Fadzil
9. Yang Berhormat Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq
10. Yang Berhormat Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor
11. Yang Berhormat Mohd. Yusni Bin Mat Piah

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang ada kaitan dengan hak dan kebebasan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau mendapat dokumen atau risalah. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa. Sekian.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya memerlukan sokongan untuk usul ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan, Seberang Jaya mohon menyokong.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Seberang Jaya. Masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul bahawa Dewan ini membuat satu ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya adalah seperti berikut :-

1. Yang Berhormat Lim Siew Khim
2. Yang Berhormat Heng Lee Lee
3. Yang Berhormat Gooi Zi Sen
4. Yang Berhormat H'ng Mooi Lye
5. Yang Berhormat Lee Khai Loon
6. Yang Berhormat Kumaresan A/L Aramugam
7. Yang Berhormat Muhammad Faiz Bin Fadzil
8. Yang Berhormat Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq
9. Yang Berhormat Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor
10. Yang Berhormat Mohd. Yusni Bin Mat Piah

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang ada kaitan dengan hak dan kebebasan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau mendapatkan dokumen dan risalah. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa. Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'Ya'.

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya".

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang tidak bersetuju katakan 'Tidak', sebulat suara usul dipersetujui.

**Setiausaha Dewan:**

Usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih Setiausaha Dewan, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Dewan untuk Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas:-

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan sebagai Pengerusi
2. Yang Berhormat Teh Lai Heng

3. Yang Berhormat Ong Ah Teong
4. Yang Berhormat Joseph Ng Soon Siang
5. Yang Berhormat Lim Siew Khim
6. Yang Berhormat Mustafa Kamal Bin Ahmad
7. Yang Berhormat Zulkifli Bin Ibrahim
8. Yang Berhormat Haji Mohd Tuah Bin Ismail
9. Yang Berhormat Azrul Mahathir Bin Aziz
10. Yang Berhormat Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq
11. Yang Berhormat Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang melibatkan kemudahan dan keselesaan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa. Terima kasih.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Usul ini ada sokongan?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Seberang Jaya mohon menyokong.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Seberang Jaya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul bahawanya Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Dewan untuk Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya seperti berikut :-

1. Yang Berhormat Teh Lai Heng
2. Yang Berhormat Ong Ah Teong
3. Yang Berhormat Joseph Ng Soon Siang
4. Yang Berhormat Lim Siew Khim
5. Yang Berhormat Mustafa Kamal Bin Ahmad
6. Yang Berhormat Zulkifli Bin Ibrahim
7. Yang Berhormat Haji Tuah Bin Ismail
8. Yang Berhormat Azrul Mahathir Bin Aziz
9. Yang Berhormat Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq dan
10. Yang Berhormat Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang melibatkan kemudahan dan keselesaan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Ahli-ahli yang bersetuju katakan 'Ya'.

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya".

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang tidak bersetuju katakan 'Tidak', sebulat suara usul dipersetujui.

**Setiausaha Dewan:**

Usul daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.



**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat untuk Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas:-

1. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya ialah:-
2. Yang Berhormat Dr. Amar Pritpal bin Abdullah
3. Yang Berhormat Teh Lai Heng
4. Yang Berhormat Ong Ah Teong
5. Yang Berhormat Heng Lee Lee
6. Yang Berhormat H'ng Mooi Lye
7. Yang Berhormat Ong Khan Lee
8. Yang Berhormat Goh Choon Aik
9. Yang Berhormat Azrul Mahathir Bin Aziz
10. Yang Berhormat Haji Zolkifly Bin Md Lazim
11. Yang Berhormat Nor Hafizah Binti Othman

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang ada kaitan dengan Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau mendapat dokumen dan risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa. Sekian.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Perlukan sokongan untuk usul ini.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, Seberang Jaya mohon menyokong.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sekali lagi terima kasih Seberang Jaya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul bahawanya Dewan ini membuat ketetapan bahawanya Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat untuk Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya seperti berikut :-

1. Yang Berhormat Dr. Amar Pritpal bin Abdullah
2. Yang Berhormat Teh Lai Heng
3. Yang Berhormat Ong Ah Teong
4. Yang Berhormat Heng Lee Lee
5. Yang Berhormat H'ng Mooi Lye
6. Yang Berhormat Ong Khan Lee
7. Yang Berhormat Goh Choon Aik
8. Yang Berhormat Azrul Mahathir Bin Aziz
9. Yang Berhormat Haji Zolkifly Bin Md Lazim
10. Yang Berhormat Nor Hafizah Binti Othman

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang ada kaitan dengan Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau mendapatkan dokumen dan risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya".

**Ahli-ahli Dewan:**

“Ya”.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang tidak bersetuju katakan 'Tidak', sebulat suara usul dipersetujui.

**Setiausaha Dewan:**

Usul daripada Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Perlembagaan untuk Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas:-

1. Yang Amat Berhormat Chow Kon Yeow sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya ialah:-
2. Yang Berhormat Lee Chun Kit
3. Yang Berhormat Syerleena Binti Abdul Rashid
4. Yang Berhormat Satees A/L Muniandy
5. Yang Berhormat Gooi Zi Sen
6. Yang Berhormat Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin
7. Yang Berhormat Gooi Hsiao-Leung
8. Yang Berhormat Ong Khan Lee
9. Yang Berhormat Azrul Mahathir Bin Aziz
10. Yang Berhormat Haji Zolkify Bin Md Lazim
11. Yang Berhormat Nor Hafizah Binti Othman

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang ada kaitan dengan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

**Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Usul ini ada sokongan?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Seberang Jaya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, Seberang Jaya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul 'Bahawanya Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-Ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Perlembagaan untuk Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas. Y.A.B. Chow Kon Yeow sebagai Pengerusi dan Ahli-ahlinya ialah seperti berikut:

1. Yang Berhormat Lee Chun Kit
2. Yang Berhormat Syerleena Binti Abdul Rashid
3. Yang Berhormat Satees A/L Muniandy
4. Yang Berhormat Gooi Zi Sen
5. Yang Berhormat Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin
6. Yang Berhormat Gooi Hsiao-Leung
7. Yang Berhormat Ong Khan Lee
8. Yang Berhormat Azrul Mahathir Bin Aziz
9. Yang Berhormat Haji Zolkify Bin Md Lazim
10. Yang Berhormat Nor Hafizah Binti Othman

Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepadanya yang ada kaitan dengan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Ahli-ahli yang bersetuju, katakan "Ya".

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya".

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang tidak bersetuju katakan 'Tidak'. Sebulat suara usul dipersetujui.

**Setiausaha Dewan:**

Pelantikan Ahli Dewan Negara.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat diminta mengemukakan cadangan nama-nama calon untuk dipilih sebagai Ahli Dewan Negara yang baru menggantikan Yang Berusaha Dr. Ariffin Bin S.M Omar dan Puan Siti Aisyah Binti Shaik Ismail yang telah tamat tempoh keanggotaan sebagai Ahli Dewan Negara pada 1 Jun 2018. Mereka yang dipilih akan berkhidmat selama tiga (3) tahun.

Nama calon untuk dipilih hendaklah dicadangkan dan disokongkan oleh Ahli-ahli Dewan ini dan Ahli yang mencadangkan atau Ahli yang menyokong hendaklah mengemukakan suatu pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh orang yang dinamakan bahawa dia bersetuju untuk berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara jika dipilih.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mencadangkan Saudari Lim Hooi Yee dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mengisi kekosongan Ahli Dewan Rakyat yang telah tamat, maaf. Ahli Dewan Negara yang telah tamat pada 1 Jun 2018. Cik Lim Hooi Yee merupakan Setiausaha Parti DAP Negeri Pulau Pinang. Beliau dilahirkan pada 24 Jun tahun 1963 dan kini berusia 55 tahun. Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sastera, Ekonomi dari Universiti Malaya. Bermula sebagai Ahli Biasa dalam Parti DAP pada tahun 1999. Beliau telah diberi kepercayaan oleh pucuk Pimpinan Tertinggi Parti untuk menjawat pelbagai jawatan. Seperi Naib Pengerusi DAP, Penolong Setiausaha dan lain-lain jawatan sepanjang tempoh perkhidmatan sehingga kini. Malah atas kepercayaan dan komitmen yang tinggi yang dicurahkan beliau telah dilantik sebagai Pegarah Kempen Pilihanraya Umum Ke-13 dan Pilihanraya Umum Ke-14 bagi Parti DAP yang menyaksikan DAP dan Pakatan Harapan menang dengan majoriti yang lebih besar dalam kerusi-kerusi yang dipertandingan di Negeri Pulau Pinang. Sekian.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Seberang Jaya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, Seberang Jaya. Ahli-ahli Yang Berhormat ada cadangan yang lain?

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mencadangkan Saudara Mohd. Yusmadi Bin Mohd Yusoff dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mengisi kekosongan Ahli Dewan Negara yang telah tamat pada 1 Jun 2018. Encik Yusmadi bin Yusoff telah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Balik Pulau dari tahun 2008 ke 2013. iaitu penggal PRU Ke-13. Beliau anak kelahiran Balik Pulau dan dilahirkan pada 12 Oktober 1974 dan kini berusia 44 tahun. Beliau mendalami Undang-undang Islam dan *common law* ketika melanjutkan dalam bidang Ijazah Sarjana Muda LLB Hon. di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dan kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana dalam Pengajian Undang-Undang Antarabangsa dengan pengkhususan dalam bidang Perlindungan Hak Asasi Manusia di American University Washington College of Law di Washington, Amerika Syarikat.

Beliau diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1999. Encik Yusmadi telah dilantik dan pernah beramal di beberapa firma guaman terkemuka Malaysia sebelum menyertai Fadarnor & Yusmadi. Iaitu sebuah firma guaman butik yang mengkhususkan dalam kes-kes melibatkan undang-undang sivil, komersial, jenayah, hak asasi manusia, kepentingan awam dan Undang-undang Islam. Beliau pernah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan kes-kes berprofil tinggi termasuklah kes Al-Ma'unah, kes pembunuhan Datuk Seri Khor Kim Teik dan terlibat dalam mempertahankan penduduk setinggan daripada pengusiran secara paksa.

Beliau juga turut terlibat dalam kes-kes yang ditugaskan oleh Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan. Sebagai Pengerusi Yayasan *Rights*, iaitu sebuah organisasi pemikir dan kebajikan yang mengkhususkan dalam inisiatif-inisiatif tadbir urus serantau, hak asasi manusia dan keadilan sosial serta ilmu pengetahuan yang luas dalam bidang undang-undang, politik dan hubungan antarabangsa menjadikan beliau seorang peguam yang sangat dikagumi dan disegani di kalangan kawan dan lawan.

Beliau seorang yang sangat aktif dalam komuniti antarabangsa dan sering dijemput sebagai Speaker oleh kerajaan-kerajaan luar ke forum-forum seperti Doha Forum di Qatar, *World Forum For Democracy* di Strasbourg, Forum 2000 di Prague, *Tamil Elam Human Rights Protection Conference* di Chennai. Beliau telah dilantik oleh Setiausaha Agung Komanwel sebagai sebahagian daripada Kumpulan Pemantau Pilihanraya di Maldives ketika pilihan raya Presiden pada tahun 2013 dan juga merupakan salah seorang Pemantau Pilihanraya di Virginia dan Maryland ketika Pilihanraya Pertengahan Penggal Amerika Syarikat pada tahun 2007 anjuran *Center For Democracy And Election Management American University*, Amerika Syarikat.

Kegiatan beliau dalam aktiviti hak asasi manusia di peringkat tempatan dan antarabangsa telah mendapat perhatian dan pengiktirafan daripada *International Visitor Leadership Program For Multi Regional Human Rights Advocacy Program* di Amerika Syarikat pada tahun 2004. Pada tahun 2006, beliau telah dianugerahkan dengan biasiswa berprestij *Hubert Humphrey Fellowship Law and Human Rights* oleh *Fobbitt Commission* yang dihoskan oleh *American University Washington College of Law* di Washington di Amerika Syarikat. Yang lebih panjang cuma Yang Berhormat Perai sahajalah. (Dewan ketawa).

Ketika PRU Ke-12, beliau telah dipilih sebagai... PRU Ke-13 bukan 12. Beliau telah dipilih sebagai Ahli Parlimen Balik Pulau dan telah menjadi jurucakap berkenaan dengan hal ehwal berkaitan dengan pendidikan hal ehwal antarabangsa. Beliau turut diberi kepercayaan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Petuan Agong untuk menganggotai Ahli Jawatankuasa Parlimen mengenai anti-rasuah di bawah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Encik Yusmadi merupakan Pengasas dan Pengerusi Akademi Rakyat Balik Pulau iaitu sebuah pusat pembelajaran kelompok rakyat miskin di Balik Pulau yang telah memberi manfaat kepada anak-anak Balik Pulau terutamanya.

Atas pengalaman yang mendalam dan meluas kedua-dua calon ini saya berpendapatan dan percaya bahawa pelantikan mereka sebagai Ahli Dewan Negara akan membolehkan hasrat dan suara rakyat Pulau Pinang dapat didengari di peringkat yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan, saya mohon mencadangkan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Seberang Jaya sangat menyokong. (Ahli Dewan menepuk meja).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang adalah terdapat dua (2) nama yang telah dicalonkan sebagai Ahli Dewan Negara yang akan berkhidmat selama tiga (3) tahun iaitu Lim Hooi Yee dan Mohd Yusmadi Bin Mohd Yusoff untuk dipersetujui di Dewan. Ahli-ahli yang bersetuju, katakan "Ya".

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya".

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang tidak bersetuju katakan 'Tidak'. Sebulat suara usul dipersetujui.

**YAB. Ketua Menteri:**

Calon ketiga.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Calon ketiga tiada.

**YAB. Ketua Menteri:**

Cukuplah. Tiada. Tiada. (Ahli Dewan ketawa). Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Seberang Jaya sangat menyokong. (Ahli Dewan ketawa).

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama semua sepanjang perjalanan Persidangan Dewan ini dan kita jumpa lagi. Dengan ini, Dewan ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada jam 4.15 petang.***